

PERANAN MAJLIS UGAMA ISLAM PULAU PINANG DAN  
SEBERANG PERAI (MUIPP) DALAM PENTADBIRAN  
ZAKAT DAN SEJAUHMANA KESANNYA TERHADAP  
MASYARAKAT ISLAM DI PULAU PINANG.

OLEH

RAMIZAH BINTI RAMLI

NO. MATRIK : 048400

Latihan Ilmiah Bagi Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat-Syarat Untuk Ijazah  
Sarjana Muda Sastera.

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

Sessi 1987/1988.

PENGHARGAAN

PERPUSTAKAAN  
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Syukur Alhamdulillah, dengan segala limpah rahmat dan kurniaNya, dapat juga pengkaji menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Pertama sekali pengkaji ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia bagi Latihan Ilmiah ini iaitu Prof. Madya Dr. Ahmad Kamar b. Abd. Rahman yang banyak memberikan tunjuk ajar dan teguran yang membina dalam memecahkan persoalan yang dihadapi oleh pengkaji dalam menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada kakitangan MUIPP terutama En. Rosley b. Din dan En. Juhari b. Ahmad yang sanggup bersusah payah memberikan segala keterangan dan data-data yang amat pengkaji perlukan.

Begitu juga ucapan terima kasih dihulurkan kepada semua responden yang terlibat dalam soal selidik yang pengkaji jalankan. Terima kasih juga kepada teman baik pengkaji, Siti Aishah bt. Saad yang banyak membantu pengkaji mengenal pasti tempat-tempat kediaman responden-responden yang telah dipilih.

Akhir sekali, ucapan terima kasih untuk Pak Seno yang sudi memberikan sedikit panduan dalam penulisan Latihan Ilmiah ini.

Segala tunjuk ajar dan pertolongan yang diberikan tetap disematkan dalam hati.

MIZA, ANSOS

JAN 88.

### SINOPSIS

Di dalam Latihan Ilmiah ini pengkaji cuba melihat peranan yang dimainkan oleh Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai (MUIPP) dalam menjalankan tanggungjawab sebagai sebuah badan yang membantu masyarakat Islam di Pulau Pinang. Dengan ini dapatlah dinilaikan sama ada MUIPP telah berjaya atau sebaliknya dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Pengkaji telah membahagikan Latihan Ilmiah ini kepada lima bab seperti yang tercatit di bawah.

Dalam bab 1, pengkaji telah memberikan perihalan tentang masalah kajian iaitu persoalan yang cuba dilihat oleh pengkaji. Juga tentang tujuan kajian, kaedah-kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam mengumpulkan data serta masalah-masalah yang dihadapi oleh pengkaji semasa menjalankan penyelidikan dan penulisan Latihan Ilmiah ini.

Dalam bab 2, pengkaji menekankan kepada konsep-konsep zakat seperti pengertian zakat yang telah dibincangkan dengan agak panjang lebar. Pengkaji juga menyentuh tentang sejarah perkembangan zakat serta balasan Allah ke atas golongan yang enggan mengeluarkan zakat. Kemudiannya pengkaji membincangkan secara terperinci mengenai jenis-jenis zakat dan hukum-hukum yang telah ditetapkan ke atasnya.

Dalam bab 3, sejarah penubuhan Pulau Pinang, sejarah perkembangan Islam di Pulau Pinang dan latar belakang penubuhan MUIPP menjadi tumpuan pengkaji. Kemudiannya perbincangan ditekankan kepada Bahagian Pentadbiran Zakat

dan Fitrah di MUIPP. Di dalam bab ini juga pengkaji banyak memberikan data mengenai responden yang telah pengkaji kutip dari penyelidikan yang telah pengkaji jalan-jalan seperti umur, pekerjaan, pendapatan dan belangan anak responden.

Dalam bab 4, pengkaji lebih mengkhususkan perbincangan kepada pentadbiran zakat dan fitrah oleh MUIPP. Bab ini agak penting kerana dari sinilah dapat dinilaikan sama ada MUIPP telah benar-benar menjalankan tanggungjawabnya atau tidak. Ini kerana bab ini banyak menekankan kepada cara-cara MUIPP menjalankan pentadbirannya. Bab ini juga mendedahkan tentang pendapatan dan corak perbelanjaan yang diamalkan oleh MUIPP. Juga dibincangkan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh MUIPP serta kelemahan dan kejayaan yang dicapainya selama ia ditubuhkan.

Dalam bab 5, pengkaji memberikan kesimpulan dan rumusan ke atas segala hal yang telah dibincangkan di dalam Latihan Ilmiah ini. Pengkaji juga memberikan sedikit saranan dan cadangan yang diharapkan dapat membantu semua pihak menjadikan pentadbiran MUIPP lebih berkesan.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

1. PENGHARGAAN	...	...	...	i
2. SINOPSIS	...	...	...	ii - iii
3. SENARAI JADUAL	...	...	...	iv - v
4. BAB 1				

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan	...	...	...	1 - 2
1.2. Masalah dan Bidang Kajian	...	...	...	2 - 4
1.3. Tujuan Kajian	...	...	...	5 - 7
1.4. Teori dan Konsep	...	...	...	7 - 11
1.5. Methodologi dan Pendekatan Kajian	...	...	...	12 - 14
1.6. Kesulitan Kajian	...	...	...	14 - 17

5. BAB 2

KONSEP-KONSEP ZAKAT

2.1. Pengertian Zakat	...	...	...	18 - 22
2.2. Sejarah Perkembangan dan Dalil Wajib Zakat	...	...	...	22 - 26
2.3. Balasan Bagi Yang Tidak Mengeluarkan Zakat	...	...	...	26 - 27
2.4. Hikmat dan Kepentingan Zakat	...	...	...	27 - 31
2.5. Jenis dan Pembahagian				31
2.5.1. Zakat Harta	...	...	...	32 - 41
2.5.2. Zakat Fitrah	...	...	...	41 - 44
2.6. Golongan-golongan Yang Berhak Menerima Harta Zakat	...	...	...	44 - 45

2.6.1.	Orang Fakir	...	...	45
2.6.2.	Orang Miskin	...	...	45 - 46
2.6.3.	Amil	...	...	46 - 47
2.6.4.	Golongan Muallaf	...	...	47
2.6.5.	Firriqab	...	...	47 - 48
2.6.6.	Gharimin	...	...	48
2.6.7.	Fisabilillah	...	...	48 - 49
2.6.8.	Ibni Sabil	...	...	49

## 6. BAB 3

### PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG

#### 3.1. Sejarah Ringkas Pembukaan Negeri

Pulau Pinang	...	...	...	50 - 52
--------------	-----	-----	-----	---------

#### 3.2. Sejarah Ringkas Perkembangan Islam

Di Pulau Pinang	...	...	...	52 - 55
-----------------	-----	-----	-----	---------

#### 3.3. Sejarah Penubuhan MUIPP

...	...	...	...	56 - 57
-----	-----	-----	-----	---------

3.5.1. Bahagian-bahagian Pentadbiran	...	...	...	58 - 59
--------------------------------------	-----	-----	-----	---------

MUIPP	...	...	...	59
-------	-----	-----	-----	----

3.5.2. Jawatankuasa-jawatankuasa Majlis	...	...	...	59 - 60
---	-----	-----	-----	---------

#### 3.6. Jawatankuasa Zakat dan Fitrah

...	...	...	...	60 - 62
-----	-----	-----	-----	---------

#### 3.7. Golongan Amil dan Fungsi-fungsinya

...	...	...	...	62 - 64
-----	-----	-----	-----	---------

#### 3.8. Bahagian Pentadbiran Zakat dan Fitrah

Di MUIPP	...	...	...	64 - 65
----------	-----	-----	-----	---------

#### 3.9. Objektif Zakat Oleh MUIPP

3.10.1. Latar Belakang Penerima-penerima

Zakat	...	...	...	66 - 73
-------	-----	-----	-----	---------

7. BAB 4

PENTADBIRAN ZAKAT DAN FITRAH OLEH MUIPP

4.1.	Pendahuluan	...	...	...	74
4.2.	Cara-cara Pungutan Hasil	...	...	...	74
4.2.1.	Pungutan Zakat Harta	...	...	...	74 - 77
4.2.2.	Pungutan Fitrah	...	...	...	78 - 83
4.3.	Cara-cara Pembahagian	...	...	...	83
4.3.1.	Habuan Amil	...	...	...	83 - 84
4.3.2.	Habuan Fakir Miskin	...	...	...	84 - 86
4.3.3.	Ibni Sabil	...	...	...	86 - 87
4.3.4.	Gharimin	...	...	...	87
4.3.5.	Firriqab	...	...	...	87
4.3.6.	Fisabilillah	...	...	...	87 - 88
4.3.7.	Muallaf	...	...	...	88 - 89
4.3.8.	Lain-lain Bantuan	...	...	...	89 - 90
4.4.	Masalah-masalah Yang Dihadapi Dalam Perlaksanaan Zakat dan Fitrah Di MUIPP				90 - 92
4.5.	Kelemahan dan Kejayaan Yang Dijalankan				93
4.5.1.	Dari Segi Pentadbiran	...	...	...	93 - 97
4.5.2.	Dari Segi Pemungutan	...	...	...	97 - 100

8. BAB 5

KESIMPULAN

5.1.	Rumusan	...	...	...	101 - 102
5.2.	Saranan	...	...	...	102 - 103
5.2.1.	Meninggikan Jumlah Kutipan	...	...	...	103 - 107

5.2.2. Pembahagian Hasil Zakat dan Fitrah	107 - 110			
9. LAMPIRAN 1	...	...	...	111
LAMPIRAN 2				
LAMPIRAN 3				
LAMPIRAN 4				
LAMPIRAN 5				
LAMPIRAN 6				
LAMPIRAN 7				
LAMPIRAN 8				
LAMPIRAN 9				
10. BIBLIOGRAFI	...	...	...	112 - 116

SENARAI JADUAL.

JADUAL

Muka surat

Jadual 1

1. Kadar zakat yang dikenakan bagi unta ... 35

Jadual 2

2. Kadar zakat yang dikenakan bagi lembu ... 36

Jadual 3

3. Kadar zakat yang dikenakan bagi kambing ... 37

Jadual 4

4. Daerah-daerah yang dibahagikan bagi  
pentadbiran zakat dan fitrah di Negeri  
Pulau Pinang. .... ... ... 61

Jadual 5

5. Umur responden ... ... ... 67

Jadual 6

6. Pekerjaan responden ... ... ... 68

Jadual 7

7. Pendapatan responden ... ... ... 69

Jadual 8

8. Bil. anak responden ... ... ... 70

Jadual 9

9. Kedudukan harta responden ... ... ... 71

Jadual 10

10. Penyata kutipan zakat harta dari tahun 1978 - 1986	...	...	76
---	-----	-----	----

Jadual 11

11. Penyata kutipan fitrah mengikut perubahan harga beras 1965 - 1982	...	...	80
--	-----	-----	----

Jadual 12

12. Penyata kutipan fitrah dari 1978 - 1986	80
---	----

Jadual 13

13. Harta-harta zakat dan fitrah	...	94
----------------------------------	-----	----

## BAB: 1

### PENDAHULUAN.

#### 1.1. PENGENALAN.

Untuk kehidupan manusia terdapat berbagai isu dan kepercayaan yang dianuti oleh manusia. Islam bukan saja merupakan agama tetapi juga suatu sistem kehidupan dunia dan akhirat yang disampaikan oleh seorang Nabi bernama Muhammad (saw). Sistem Islam sangat berbeza dengan kapitalisme, komunisme atau sistem agama lain. Hal ini dapat dilihat di dalam buku Islam yang mencakupi berbagai bidang kehidupan berlandaskan al-Quran dan Hadis. Sesuai dengan ajarannya yang sempurna dan sifatnya sebagai satu sistem kehidupan, maka ajaran-ajaran di dalam Islam menjadi panduan untuk menjalani kehidupan sehari-hari.

Allah (swt) sebagai pencipta alam semesta menjadikan manusia samarata iaitu dengan diberi tanggungjawab menjadi khalifah Allah. Walau bagaimanapun kesanggupan manusia itu tidak sama menyebabkan tingkat nasib juga berbeza. Namun perbezaan itu hanya sebagai ujian bagi menyelenggarakan kewajipan dalam hidup.

Disebabkan tingkat 'nasib' dan kesanggupan yang berbeza itu maka timbulah dua golongan manusia di dunia ini iaitu golongan berada dan golongan yang tidak berada. Walaupun Islam memang menggalakkan umatnya bekerja keras untuk hidup mereka tapi memang tidak dapat dinafikan terdapat golongan

yang gagal dalam usaha-usaha mereka menjadikan mereka orang-orang miskin, mlarat dan lain-lain. Kemiskinan adalah masalah yang perlu diselesaikan, bahkan ia merupakan satu krisis yang hebat yang perlu dipulihkan.

Dalam hal ini Allah (swt) memerintahkan perlaksanaan zakat bagi mengatasi kemiskinan dan mencukupi keperluan-keperluan mereka dalam kehidupan. Namun begitu sehingga hari ini tidak terdapat satu kenyataan yang pasti iaitu adakah benar dengan perlaksanaan zakat maka keadaan kemiskinan dan kesempitan hidup telah dapat diatasi. Ini berkaitan dengan satu sistem pentadbiran yang mentadbirkan zakat ini. Ini kerana zakat harus ditadbirkan oleh sesuatu badan seperti proses pengutipan dan pengagihannya. Kalau tiada satu badan tetap yang mentadbirkan zakat, agak mustahil perlaksanaan zakat dapat berjalan dengan lancar. Ini kerana sudah menjadi sifat manusia yang sentiasa tamak dan inginkan banyak. Orang-orang kaya pula agak sukar menge luarkan harta dalam bentuk zakat kecuali orang-orang yang benar-benar beriman.

## 1.2. MASALAH DAN BIDANG KAJIAN.

Pada umumnya banyak tulisan yang dihasilkan mengenai zakat. Walau bagaimanapun kebanyakannya melihat dari perspektif agama dan tulisan-tulisan mereka adalah umum. Walaupun sejak tahun 1986 ada pelajar-pelajar dari Jabatan Antropologi dan Sosiologi yang mengkaji zakat dari perspektif sosiologi seperti Malek Redzuan Abd. Rahman, Arshad Samit dan lain-lain namun belum ada pelajar dari

Antropologi dan Sosiologi yang membuat kajian zakat dari sudut sosiologi di Pulau Pinang. Maka dengan itu pengkaji merasa perlu melihat pentadbiran zakat di Pulau Pinang iaitu dengan melihat peranan Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai (MUIPP).

Masalah yang menjadi tumpuan kajian pengkaji ialah mengenai pentadbiran zakat oleh MUIPP di mana pengkaji cuba melihat sejauh mana MUIPP dapat menunaikan tanggungjawab dan peranannya sebagai sebuah badan yang mempunyai bahagian yang ditugaskan khusus menguruskan hal-hal yang berkait dengan zakat. Pengkaji juga cuba melihat usaha-usaha yang dijalankan oleh MUIPP ini dalam usaha melicinkan pentadbiran zakat dan sejauh mana mereka telah mencapai objektif dari segi badan itu sendiri dan juga dari segi Islam. Ini penting kerana dari sinilah dapat dilihat kebaikan dan kelemahan MUIPP dalam pentadbiran zakat. Dari sini juga dapat diketahui masalah-masalah yang mereka hadapi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka itu.

Dalam hal ini, pengkaji juga cuba melihat jenis-jenis zakat yang dipungut dan dikendalikan serta bagaimana cara-cara badan ini mengagihkan pengumpulan hasil zakat kepada golongan yang ditetapkan oleh hukum dan yang memerlukan. Di sini pengkaji cuba menyelidik apakah kriteria-kriteria yang diambil sebagai syarat-syarat berhak menerima zakat, juga melihat sambutan yang diberikan oleh orang ramai terhadap pentadbiran yang dijalankan oleh MUIPP.

Dalam Latihan Ilmiah ini juga, pengkaji melihat kesan-kesan dari pentadbiran zakat oleh MUIPP terhadap penduduk negeri Pulau Pinang iaitu ~~tu~~ kesan-kesan sosial dan ekonominya. Di sini pengkaji telah mengambil sebuah kampung iaitu Kampung Sungai Duri sebagai mewakili seluruh penduduk di Pulau Pinang. Pengkaji tidak dapat membuat kajian di seluruh Pulau Pinang memandangkan kesuntukan masa dan masalah kewangan. Jadi pengkaji mengambil Kampung Sungai Duri sebagai tumpuan memandangkan kampung ini berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji.

Pengkaji juga ingin melihat konsep-konsep zakat dan fitrah dalam perundangan atau syariat Islam. Ini meliputi sejarah perkembangan zakat itu sendiri. Dalam hal ini pengkaji melihat sejarah awal zakat disyariatkan oleh Allah (swt) dan juga suruhan-suruhan kepada perlaksanaan zakat ini. Kajian ini juga melihat kedudukan zakat dalam perundangan Islam di mana pengkaji cuba melihat sejauh mana pentingnya zakat dalam ekonomi Islam bagi membangunkan umatnya. Juga ditekankan tujuan dan kepentingan zakat serta melihat jenis-jenis zakat yang dikeluarkan dan ini meliputi hingga kepada golongan yang berhak menerima dan tidak berhak menerima hasil zakat.

Kajian ini juga menekankan kepada pengertian zakat itu sendiri iaitu melihat pengertiannya dari segi Islam dan juga dari pandangan masyarakat. Ini agak penting kerana dari pengertian tentang sesuatu itu, barulah sesuatu itu dapat dilaksanakan.

### 1.3. TUJUAN KAJIAN.

Setiap suatu perkara yang hendak dilakukan haruslah mempunyai pentadbiran sama ada di bawah sebuah badan yang rasmi ataupun tidak rasmi. Di dalam hal ini pengkaji cuba melihat kepada corak pentadbiran yang bertugas dalam hal-hal yang berkait dengan pengurusan zakat. Dari itu pengkaji cuba untuk mendedahkan peranan MUIPP dalam mentadbirkan hal-hal zakat ini. Pengkaji ingin mengetahui sejauhmana peranan badan ini dalam meninggikan ekonomi orang-orang Islam di Pulau Pinang.

Pengkaji juga cuba melihat kebaikan dan kelemahan di dalam pentadbiran zakat oleh MUIPP ini di samping cuba melihat sebab-sebab yang membawa kepada kebaikan dan kelemahan pentadbiran itu. Juga ingin dilihat sejauhmana MUIPP ini mentadbirkan urusan zakat sebagaimana yang ditetapkan oleh Allah (swt) iaitu sama ada mereka telah menjalankan sepenuhnya atau hanya sebahagian sahaja. Ini menyangkut kepada sama ada kadar zakat yang ditetapkan itu adakah mengikut seperti yang asal ditetapkan oleh Allah (swt). Cara-cara harta zakat dikumpul dan kemudian diagihkan adakah ianya benar-benar mengikut lunas-lunas Islam.

Dalam konteks ini penkaji lebih menekankan kepada cara-cara dan proses pengagihan dalam harta zakat. Ini kerana pengkaji merasa perkara ini penting kerana seringkali terdengar sungutan iaitu seperti pengagihan yang tidak adil di mana yang tidak berhak menerima harta zakat dan

begitu juga sebaliknya. Oleh itu pengkaji membuat kajian yang teliti tentang ciri-ciri penerima zakat iaitu dengan menemuramah amil-amil, orang perseorangan dan pegawai di MUIPP.

Pengagihan ini penting juga kerana dari sinilah pengkaji dapat melihat bagaimana zakat dapat mendatangkan kesan sosial dan ekonomi kepada orang-orang Islam. Secara tidak langsung dapatlah diketahui setakat manakah kebaikan dan kelemahan pentadbiran MUIPP. Dari itu sekiranya MUIPP menghadapi sebarang masalah maka dapatlah disarankan cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah itu.

Pengkaji juga antara lain ingin melihat kepentingan zakat itu sendiri iaitu dengan adanya syariat perlaksanaan zakat, adakah ianya dapat membantu golongan miskin dan dhaiif dalam Islam. Sekiranya satu pentadbiran yang diamanahkan untuk mentadbirkan hal-hal yang berkaitan dengan zakat tidak dapat menjalankan tanggungjawab sepetimana yang sepatutnya, apakah kesan dan pengaruhnya ke atas ekonomi orang Islam. Adakah walaupun tanpa bantuan dari zakat ataupun dengan bantuan yang sedikit dari zakat, orang-orang miskin itu dapat juga menjalani hidup dalam serba kepayahan ataupun dengan bantuan dari pihak lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat umpamanya. Dari sini dapatlah didekakan akan kepentingan zakat itu sendiri.

Kajian ini juga bertujuan melihat sejauhmana kesedaran orang-orang Islam terhadap kewajipan menunaikan zakat.

Sememangnya kesedaran ini timbul dari keimanan dan pegangan mereka terhadap agama iaitu sama ada kukuh atau tidak. Tetapi adakah benar pengetahuan yang mendalam tentang Islam mendorong mereka melaksanakan kewajipan zakat atau hanya sebagai pengetahuan sahaja tetapi tidak dipraktikkan. Sementara bagi orang Islam yang cetek pengetahuannya tentang agama, adakah ia juga melaksanakan kewajipan berzakat.

Daripada kajian yang pengkaji jalankan ini, Maka dapatlah diberikan beberapa pandangan atau pendapat bagi melicinkan lagi pentadbiran zakat oleh MUIPP. Ini sesuai kerana setiap sesuatu tidak akan dapat dirasai kelemahannya kalau tiada pandangan dari pihak yang lain. Sesuangguhnya kelemahan itu adalah milik setiap orang kerana manusia tidak ada yang sempurna sifatnya. Jadi MUIPP yang ditadbirkan oleh manusia yang diamanahkan tentu saja mempunyai kelemahannya yang mungkin disedari ataupun tidak. Maka diharapkan hasil kajian ini dapat menjadi satu bahan yang berguna untuk memenuhi matlamat membahagiakan seluruh umat Islam di dunia ini.

#### 1.4. TEORI DAN KONSEP.

Mengikut pengertiannya, zakat ialah nama atau sebutan dari sesuatu hak Allah (swt) yang dikeluarkan untuk golongan yang tidak berada. Kata-kata zakat itu mengikut erti asalnya ialah "tumbuh, suci dan berkah". Ianya dinamakan zakat kerana di dalamnya terkandung harapan untuk beroleh berkat, membersihkan jiwa dan memupuknya dengan berbagai kebajikan.

Firman Allah (swt) dalam Surah At-Taubah: 103 yang bermaksud;

"Pungutlah zakat dari hartabenda mereka, yang akan membersihkan dan mensucikan mereka".<sup>1</sup>

Dr. Hamka dalam bukunya 'Keadilan Sosial Dalam Islam',<sup>2</sup> menerangkan bahawa zakat merupakan ibadat kepada Allah dan berhubung langsung dalam masyarakat. Sememangnya di dalam ajaran Islam, ibadat kepada Allah itu tidak dapat diceraikan dengan keteguhan pertalian di dalam masyarakat.

Sesuai dengan ajarannya yang sempurna, Islam sentiasa mengatur umatnya agar menjalani hidup di dunia dengan aman dan tenteram. Oleh itu seperti yang sedia dimaklumi, dalam perjuangan hidup di dunia ini ada golongan yang menang dan ada yang kecundang. Ini kerana setiap manusia di muka bumi ini mempunyai keupayaan yang berbeza. Dari itu lahir dua golongan yang berbeza iaitu golongan kaya dan golongan miskin sedangkan Islam amat membenci melihat perbezaan hidup yang begitu ketara di kalangan umatnya. Maka dengan itulah maka zakat itu disyariatkan agar dapat mengubah nasib golongan yang tidak berada.

---

1. Prof. R. H. A. Soenarjo S. H., Departmen Agama Republik Indonesia.

2. Dr. Hamka, Keadilan Sosial Dalam Islam, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1966.

Mengikut Kassim Ahmad dalam bukunya Teori Sosial Moden Islam

"satu daripada tujuan-tujuan utama ekonomi Islam  
ialah untuk membenarkan perbezaan pendapatan  
dalam batasannya yang sihat sebagai asas  
persaingan dan perkembangan ekonomi."<sup>3</sup>

Maksudnya agar ekonomi itu tidak terlalu berbeza antara satu golongan dengan golongan yang lain kerana kalau dibiarkan berterusan akan mewujudkan perbezaan-perbezaan kelas. Keadilan sosial tidak mungkin wujud dengan adanya kelas-kelas dalam masyarakat.

Golongan miskin juga penting untuk pembangunan negara. Oleh itu Allah (swt) telah mensyariatkan agar golongan ini dibantu untuk memperbaiki hidup mereka kerana Islam tidak rela umatnya hidup dalam kemiskinan dan kemelaratan. Oleh itu disyariatkan zakat di mana golongan kaya wajib mengeluarkan sedikit dari harta mereka bagi menolong golongan yang benar-benar memerlukan. S.A. Irsyad menyatakan

"The greatest evil of money is when it is accumulated in few hands where as there exist

- 
3. Kassim Ahmad, Teori Sosial Moden Islam, Fajar Bakti Sdn. Bhd. Petaling Jaya, 1984. m/s : 149.

poverty and distress in the society" <sup>4</sup>

Sesungguhnya Allah (swt) telah menetapkan bagi orang miskin suatu hak yang tertentu yang berada dalam harta orang-orang kaya dan hak ini merupakan satu bahagian yang tetap dan pasti iaitu zakat. Ini kerana semua kekayaan pada dasarnya adalah hak Allah (swt) yang memberinya kepada manusia-manusia yang diyakininya. Maka sebahagian darinya haruslah dikembalikan dalam bentuk yang telah ditetapkan oleh Allah (swt) iaitu zakat.

Sesuai dengan ajaran Islam yang sempurna, maka sekiranya zakat itu benar-benar ditadbirkan mengikut lunas-lunas Islam sudah tentu segala masalah dapat diatasi. Dengan itu dapatlah dihapuskan kemiskinan dan mengurangkan golongan-golongan yang dhaif lagi mlarat.

Zakat secara langsungnya dapat menghapuskan darjat atau kasta di kalangan umat Islam. Menerusi amalan zakat maka akan wujud hubungan yang mesra antara golongan yang kaya dan miskin. Ini kerana zakat dapat menjauhkan manusia daripada perasaan hasad dengki dan irihati yang mungkin timbul dikalangan mereka yang tidak bernasib baik terhadap golongan kaya.

Ini amat berbeza dengan ajaran-ajaran lain terutamanya

---

4. Syed Mahmudunnasir, Islam Its Concepts and History, Nusrat Ali Nasri for Kitab Bhavan 1981, m/s: 419.

komunisme dan liberalisme yang telah gagal secara 'total' dalam memecahkan masalah perbezaan tingkat sosial yang ketara antara golongan kaya dan miskin. Komunisme telah bermati-matian untuk menamatkan jurang antara pengemis dan jutawan. Mereka menganjurkan agar alat-alat pengeluaran direbut dari tangan-tangan perseorangan dan diserahkan kepada masyarakat yang harus bersama-sama mengatur pembahagian kekayaan kepada setiap individu masing-masing mengikut keperluannya. Cara penyelesaian ini jika ditinjau secara praktis, banyak kelemahan yang akan ditemui. Ini kerana penghapusan kapitalisme tidak akan melenyapkan nafsu dan kekuatan manusia untuk menguasai sesamanya.

Oleh itu kalau ditinjau dengan mendalam berdasarkan Quran dan Sunnah maka kita akan dapati bahawa zakat adalah cara terbaik bagi ekonomi dunia kerana zakat itu adalah keamanan sesuai dengan ertinya yang membawa kesucian dan keberkatan seperti firman Allah (swt) dalam Surah Al- A'la: 14 yang bermaksud;

"Sungguh memperoleh kemenangan barang siapa yang melaksanakan sistem zakat" <sup>5</sup>

5. Prof. Soenarjo, op. cit.

Kerujuk kepada teks soalan nomor 3 dalam kerjelaman yang diajukan oleh ahli akademik dalam seminar yang diadakan oleh universiti kerana merupakan yang bertanggungjawab menghasilkan

#### 1.5. METHODOLOGI DAN PENDEKATAN KAJIAN.

Dalam mendapatkan bahan untuk menghasilkan Latihan Ilmiah ini, pengkaji telah menggunakan gabungan metode atau kaedah yang biasa digunakan di dalam sains sosial. Gabungan metode ini adalah perlu memandangkan terdapat berbagai kekurangan sekiranya hanya menggunakan satu metode sahaja. Metode yang pengkaji gunakan adalah yang menggunakan pendekatan Antropologi dan Sosiologi. Dalam hal ini pengkaji telah menggunakan metode-metode seperti

- a. Pemerhatian dan penyertaan.
- b. Temubual.
- c. Soal selidik.
- d. Penyelidikan perpustakaan.

Segala maklumat dan data-data adalah dikutip dan dikumpulkan oleh pengkaji sendiri dengan menemuramah, merujuk buku-buku di perpustakaan dan mendapatkan data-data dari MUIPP.

Pengkaji telah bertemu ramah dengan responden-responden di kawasan kajian di mana di MUIPP sebanyak dua orang kerana zakat. Sementara untuk melihat kesan dari perlaksanaan zakat, pengkaji telah menemuramah 7 orang penerima zakat dan 7 orang ketua-ketua amil.

Merujuk kepada temuramah dengan 2 orang kerani zakat, pengkaji banyak mendapatkan maklumat yang diperlukan dari mereka kerana mereka lah yang bertanggungjawab menguruskan

segala hal yang berkait dengan zakat. Dari mereka pengkaji dapat mengetahui mengenai cara-cara zakat dipungut dan diagihkan. Begitu juga dalam hal-hal seperti organisasi iaitu bagaimana pentadbiran dijalankan, bagaimana pemilihan amil-amil dijalankan dan apakah usaha-usaha yang dijalankan untuk meningkatkan mutu pentadbiran MUIPP.

Pengkaji juga telah mengadakan temuramah dengan penerima-penerima zakat yang menjadi penduduk tetap di Kampung Sungai Duri yang terletak dalam zon Seberang Perai Selatan. Sambil menemuramah pengkaji juga dapat membuat pemerhatian misalnya terhadap keadaan persekitaran dan rumah responden. Ini perlu kerana melalui pemerhatian pengkaji dapat menilai kebenaran jawapan responden terutamanya dalam hal-hal seperti taraf hidup mereka. Daripada responden ini juga pengkaji dapat mengetahui pendapatan, latarbelakang keluarga, bilangan dalam tanggungan dan sebagainya.

Temuramah dengan amil juga dijalankan. Semasa pengkaji membuat kajian ini, amil-amil sedang dalam urusan menyerahkan wang kutipan fitrah kepada kerani zakat di MUIPP yang datang ke Pejabat Agama kawasan Seberang Perai Selatan. Pengkaji menjalankan temuramah ini beberapa hari selepas Hari Raya Puasa. Dengan itu dapatlah pengkaji memerhatikan sendiri bagaimana penyerahan wang-wang zakat dilakukan termasuklah pengiraan-pengiraan bayaran untuk amil sebagai hadiah atas tugas yang dilakukannya.

Dari MUIPP pengkaji banyak mendapat data-data mengenai kutipan zakat dan fitrah dan juga mengenai perbelanjaan mereka yang berkait dengan zakat.

Walau bagaimanapun dalam mendapatkan bahan dan maklumat untuk menyiapkan Latihan Ilmiah ini, pengkaji juga mendapatkannya hasil dari penyelidikan perpustakaan terutamanya di Perpustakaan Besar Universiti Malaya dan Perpustakaan Jabatan Antropologi dan Sosiologi. Daripada penyelidikan perpustakaan pengkaji banyak mendapatkan maklumat mengenai konsep dan teori. Pengkaji banyak merujuk kepada buku-buku, kertas kerja, tesis, seminar majalah dan lain-lain. Pengkaji juga ada mendapatkan bahan daripada Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri. Ada juga buku-buku yang pengkaji pinjam dari kawan-kawan. Merujuk kepada penggunaan ayat-ayat al-Quran, pengkaji telah menggunakan kitab Quran yang telah diterjemahkan oleh Prof. R.H.A. Soenarjo S.H.

Semua bahan-bahan yang pengkaji kutip telah disusun dan diolah semula menjadi satu hasil Latihan Ilmiah bagi tatapan para pembaca. Semoga ianya dapat menjadi panduan kepada pembaca dan mendatangkan faedah kepada yang membacanya.

#### 1.6. KESULITAN KAJIAN.

Manusia tidak pernah sempurna dari segi sifat dan tingkahlakunya. Begitulah juga dengan pengkaji yang

mempunyai berbagai-bagai kelemahan dalam usaha menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Oleh kerana **sifat-sifat kekurangan** ini maka terdapat berbagai kesulitan **yang terpaksa** pengkaji hadapi dalam usaha mendapatkan **data-data dan maklumat**.

Walau bagaimanapun pengkaji merasakan **masalah** yang dihadapi adalah merupakan perkara biasa sahaja kerana "tiada manusia yang tidak menghadapi masalah". **Antara** masalah yang pengkaji hadapi ialah untuk mendapatkan maklumat yang tepat dari responden. Masalah ini pengkaji hadapi terutamanya terhadap penerima-penerima zakat. Ini kerana kebanyakan mereka terdiri dari golongan tua dan kadang-kadang agak kurang memahami tentang soalan-soalan yang pengkaji kemukakan. Akibatnya pengkaji terpaksa mengulang soalan dan menerangkan maksud soalan itu.

Kebanyakan golongan ini juga agak ragu-ragu menjawap soalan pengkaji terutamanya yang menyntuh mengenai pendapatan mereka. Kebanyakan mereka kalau ditanya tentang pendapatan, akan hanya menjawap "cukuplah untuk makan". Jadi pengkaji agak sukar mendapatkan data yang tepat dalam soal-soal begini. Walau bagaimanapun keadaan ini dapat difahami kerana kebanyakan golongan ini bekerja 'kampung' yang tidak tentu pendapatannya. Lagipun mereka tidak menyimpan kira-kira mengenai pendapatan dan perbelanjaan mereka.

Satu hal yang amat ketara bagi pengkaji ialah mereka ini terlalu merendah diri apabila ditanya tentang latar-belakang keluarga mereka. Lagipun mereka seakan-akan

takut dan bimbang sekiranya kajian pengkaji ini akan menghalang mereka dari mendapatkan bantuan zakat untuk tahun-tahun berikutnya. Walau bagaimanapun pengkaji telah cuba menerangkan sejelas-jelasnya kepada mereka bahawa pengkaji hanyalah seorang pelajar yang terpaksa menyiapkan Latihan Ilmiah bagi memenuhi syarat untuk mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera.

Pengkaji juga menghadapi masalah untuk berulangalik ke kawasan kajian terutamanya ke MUIPP yang agak jauh dari tempat tinggal pengkaji. Kadang-kadang pengkaji terpaksa pula berulangalik beberapa kali kerana responden yang ingin ditemuramah tidak dapat ditemui. Ini kerana mereka masing-masing mempunyai tugas yang tersendiri. Begitu juga dengan temuramah dengan kerani-kerani zakat di MUIPP, semasa pengkaji membuat kajian mereka kadang-kadang tiada di pejabat kerana keluar ke kawasan-kawasan tertentu untuk memungut zakat dari amil-amil.

Dalam membuat penyelidikan di perpustakaan, pengkaji juga tidak terlepas dari menghadapi masalah. Kadang-kadang buku atau tesis yang ingin dirujuk oleh pengkaji tidak dapat ditemui. Walaupun terdapat banyak bahan-bahan tulisan mengenai zakat dan fitrah namun kebanyakannya adalah dari perspektif agama. Kebanyakan buku yang ditemui adalah dalam Bahasa Inggeris dan inipun mengambil masa pengkaji untuk menterjemahkannya. Walaupun banyak juga terdapat buku-buku dalam Bahasa Malaysia tetapi penggunaan

bahasanya agak sukar ditemui kerana kebanyakannya adalah terjemahan dari Bahasa Inggeris dan Arab.

Walaupun berbagai kesulitan yang pengkaji hadapi, namun pengkaji juga merasa terdapatnya kemudahan-kemudahan semasa pengkaji menjalankan kajian terutamanya dari keranikera ni zakat di MUIPP yang cuba bersungguh-sungguh menolong pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki dan memberikan data-data yang pengkaji kehendaki.

Walaupun sebagaimana orang-orang yang bertemu dengan ayat-ayatnya,<sup>1</sup> zakat adalah wajib kepada orang Islam yang memenuhi syarat untuk membayar sebagaimana dirinya dan hartanya.

Perkataan zakat disebut sekali pun kali di dalam Al-Quran antaranya di kaitkan khusus dengan perintah al-Salat, 8 kali di dalam surah-surah yang diwahyuan di Mekah (Makkah), maklumat yang lain di dalam surah-sirah Madinah (Medinah).<sup>2</sup> Zakat merupakan salah satu dari Tuhan Islam dan Islam dan ditentukan beriringan dengan salat, dalam 8 ayat di dalam Al-Quran. Allah (swt) telah menyampaikan hukum wajibnya baik dengan kitabnya sadarpun dengan Sunnah RasulNya serta Ijma' dari umatnya.

- 
1. Sheikh Abdullah Baumi, Panduan Rasulullah (saw) Mengenai Zakat, Sedekah dan Qairat, Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, 1985. m/s : 42.
  2. Kursus Pentadbiran Zakat dan Baitulmal, Pusat Islam, 21 kb. Ogos 1985, dipetik dari Yusof al-Qardasi, *Fiqih al-Zakah*.

KONSEP-KONSEP ZAKAT.2.1. PENGERTIAN ZAKAT.

Perkataan zakat datangnya dari zaka dan bermaksud "it (a plant) grew". Dengan kata lain ia bermaksud "purification from sins" iaitu membersihkan dan mengembangkan. Mengikut istilah syarak pula, zakat ialah nama bagi bahagian yang tertentu dari harta yang tertentu, yang wajib diberikan kepada orang-orang yang tertentu, dengan syarat-syaratnya.<sup>1</sup> Zakat adalah wajib ke atas orang Islam yang memenuhi syarat untuk membersih dan menyucikan dirinya dan hartanya.

Perkataan zakat disebut sebanyak 30 kali di dalam al-Quran antaranya 28 kali berikutan dengan perkataan al-Salat, 8 kali di dalam surah-surah yang diwahyukan di Mekah (Makkiyah), manakala yang lain di dalam surah-surah Madinah (Madaniyah).<sup>2</sup> Zakat merupakan salah satu dari rukun Islam yang lima dan disebutkan beriringan dengan salat, dalam 82 ayat di dalam al-Quran. Allah (swt) telah menetapkan hukum wajibnya baik dengan kitabNya mahupun dengan Sunnah RasulNya serta Ijma' dari umatNya.

1. Sheikh Abdullah Basmih, Panduan Rasulallah (saw) Mengenai Zakat, Sedekah dan Qairat, Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, 1985. m/s : 42.

2. Kursus Pentadbiran Zakat dan Baitulmal, Pusat Islam, 21 hb. Ogos 1985, dipetik dari Yusof al-Qardawi, *Fiqh al-Zakah*.

Firman Allah (swt) dalam Surah Al-Baqarah : 110 yang bermaksud;

"Dan dirikanlah sembahyang ~~serta~~ <sup>yang</sup> ~~serta~~ berikanlah zakat."<sup>3</sup>

Zakat adalah prinsip asas bagi setiap agama yang diturunkan Allah di mana didapati beberapa ayat dalam pengajaran tiap-tiap Nabi seperti Nabi Isa, Nabi Ibrahim, Nabi Ismail dan lain-lain yang menyebutkan kewajiban zakat. Daripada pengajaran Nabi Ibrahim;

"And we made them leaders of the people who guided them by Our orders and We inspired into them the urge of doing good and the keeping up of prayer and the giving of zakat."<sup>4</sup>

Sementara undang-undang Israel juga ada menyebutkan mengenai zakat ini iaitu

"And Allah said: Surely I am with you if you keep up pray and pay the zakat and believe in My Messengers and help them and lend to

- 
3. Prof. R.H.A. Soenarjo S.H, Departmen Agama Republik Indonesia.
  4. Syed Mahmudunnasir, Islam, Its Concepts and History, Nusrat Ali Nasri for Kitab Bhavan, 1981. m/s : 351.

Allah a goodly loan; I will certainly remit you sins and I will certainly admit you into gardens in which rivers flow".<sup>5</sup>

Zakat juga merupakan suatu peraturan kemasyarakatan yang ditujukan bagi membasmi kemiskinan. Oleh kerana agama Islam adalah agama perikatan kasih sayang antara satu sama lain, agama perhimpunan persaudaraan dan agama tolong menolong, maka telah dijadikan Allah (swt) bahawa mengeluarkan zakat itu satu daripada rukun-rukun yang sangat ditekan-kan. Maka dengan itu tidak akan ada lagi perasaan bebcia dan irihati di kalangan orang-orang miskin terhadap orang-orang kaya. Ianya juga dapat mensucikan jiwa orang-orang kaya itu seperti firman Allah (swt) dalam Surah At-Taubah: 103 yang bermaksud;

"Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu bersihkan dan mensucikan mereka".<sup>6</sup>

Zakat membersihkan atau mensucikan jiwa dari sifat kikir dan bakhil sebab manusia ketika ia mengeluarkan zakat dengan merelakan hartanya, tatkala itulah ia menang atas nafsunya dan atas kikir dan bakhilnya. Ketika itu ia mensucikan dan membersihkan jiwanya. Dengan zakat juga

5. Ibid, m/s: 351.

6. Prof. Soenarjo, op. cit.

dapat membersih dan mensucikan masyarakat dari saling mendendam dan mendengki dari kegoncangan dan fitnah sebab apabila masyarakat seluruhnya menjamin dan saling membantu menutupi hajat kaum melarat dan mereka yang sangat memerlukan. Dengan itu dapatlah dikikis kegoncangan dan huru-hara yang wujud dari rasa dendam kaum yang melarat terhadap mereka yang kaya dan berada.

Pada hakikatnya zakat itu juga adalah cukai yang diperintahkan secara langsung oleh Allah (swt) sebagai ketentuan yang dimestikan untuk mengatur "politik Negara" dan rakyatnya. Ia dipungut dari sumber hasil ekonomi dengan kekuasaan politik untuk kelincinan pentadbiran, perkembangan Islam dan keadilan sosial bagi kaum Muslimin dan rakyat seluruhnya. Ini menjadi satu sistem cukai berperaturan yang pertama kali di dalam sejarah ekonomi dunia. Cukai-cukai hanya dikenakan ke atas orang ramai mengikut sesuka hati pemerintah dan jumlah cukai yang harus dipungut bergantung kepada sejauhmana keperluan kewangan yang dikehendaki pemerintah untuk memenuhi kepentingan peribadi mereka. Di samping itu bebanan membayar cukai selamanya hanya banyak ditanggung oleh orang-orang miskin dari orang-orang kaya.

Zakat juga merupakan ibadat harta benda yang diwajipkan dalam Islam kepada orang yang berada dan mampu dengan tujuan membantu keperluan orang miskin dan memberikan sumbangan untuk memelihara kepentingan umum. Jadi di sini dapat

diperhatikan bahawa ibadat bukanlah tertakluk kepada sembahyang sahaja di mana ia menghubungkan antara manusia dan Tuhan malah zakat juga merupakan satu ibadat kerana ianya juga ada hubungan dengan politik dan ekonomi masyarakat muslimin untuk kebaikan dan keharmonian sosial muslimin khasnya dan manusia umumnya. Jadi pada asasnya zakat adalah hak orang miskin terhadap harta orang kaya yang darinya dapat mengurang atau menghapuskan langsung kemiskinan yang melanda golongan-golongan yang tidak berada.

## 2.2. SEJARAH PERKEMBANGAN DAN DALIL WAJIB ZAKAT.

Perintah zakat diberikan lebih kurang setahun selepas Hijrah. Ia difardhukan mulanya di Mekah dalam bentuk umum. Pada ketika itu terserahlah kepada iman individu sebagai tanggungjawab seorang saudara terhadap saudaranya yang lain di kalangan orang-orang mukmin.<sup>7</sup> Ayat-ayat yang diturunkan pada masa ini tidak menerangkan secara terperinci mengenai kadar yang diwajibkan dan syarat-syarat mengenai zakat serta jenis harta benda yang diwajibkan.

Kemudian dalam tahun kedua Hijrah difardhukan zakat dalam bentuk yang kita ketahui sekarang ini dengan nisab dan kadar bagi tiap-tiap jenis yang diwajibkan zakat.

---

7. Kursus pentadbiran zakat dan Baitulmal, Pusat Islam, 21 hb. Ogos 1985, dipetik dari Fiqh al-Zakah oleh Yusof al-Qardawi, Dar al-Irsyad, Beirut. m/s : 61

Zakat diwajibkan ke atas orang-orang Islam yang memiliki nisab dalam apa juga harta yang diwajibkan zakat.<sup>8</sup>

Sejak dahulu lagi ahli-ahli fikir dan pemimpin masyarakat berusaha mencari jalan bagi menghapuskan jurang perbezaan yang memisahkan dua golongan iaitu golongan miskin dan golongan yang berada. Ini adalah supaya dapat menghindarkan keadaan-keadaan yang tidak tenteram dalam sebuah masyarakat yang mungkin akan membawa kepada perbuatan-perbuatan jenayah dan menjadikan rakyat berpecah-belah kerana rasa iri hati dan kebencian orang-orang miskin pada orang-orang kaya.

Mengikut prinsip yang tertua mengenai zakat, seseorang kaya itu tidak boleh hidup senang-lenang sendirian tanpa menghiraukan tanggungjawabnya terhadap fakir miskin. Berdasarkan hubungannya sesama manusia dan didorong oleh perasaan belas kasihan, ia berkewajiban menolong fakir miskin yang memerlukan bantuan dan pertolongan darinya. Walau bagaimanapun prinsip yang berdasarkan kepada belas kasihan dari golongan berada sahaja ternyata tidak mencukupi bahkan tidak dapat mengubah nasib fakir miskin yang besar jumlahnya kerana sebahagian dari orang-orang kaya sering mengabaikan tanggungjawab mereka. Di samping itu sememangnya menjadi sifat semulajadi manusia yang selalu merasa tamak haloba dan sayang mengeluarkan hartanya jika bukan untuk

---

8. Ibid, Yusof al-Qardawi. m/s : 95.

kepentingan dirinya.

Oleh yang demikian maka dicari ~~prinsip~~ ~~prinsip~~ yang lain sehingga lahirlah 'orang-orang kaya wajib menolong fakir miskin dan orang-orang miskin berhak ke atas harta orang-orang kaya'. Prinsip inilah yang dibawa oleh Islam dan dijadikan asas bagi peraturan zakat kerana pada pandangan Islam prinsip ini merupakan puncak dari seluruh perasaan belas kasihan yang ada pada diri manusia dan dapat dijadikan alat bagi mempereratkan hubungan dan menghindarkan dari perpecahan sesama manusia serta kasih sayang sesama anggota masyarakat.

Ini dibuktikan oleh Nabi Besar Muhammad (saw) sendiri di mana baginda menganjurkan supaya orang berbuat baik kepada orang yang lemah dan miskin, orang yang kesusahan dan orang yang memerlukan pertolongan itu bukan saja sebagai satu tanda kemurahan hati dan belas kasihan tetapi adalah satu kewajiban yang sungguh-sungguh harus dijalankan.

Sesungguhnya di dalam Islam kedudukan kaum fakir miskin adalah tinggi dan mulia sehingga hak mereka itu disamakan dengan hak Allah (swt) sendiri yang wajib dijamin dan dilaksanakan. Firman Allah yang bermaksud

"Di dalam harta kekayaan mereka itu ( kaum hartawan ) ada sebahagian yang tertentu menjadi haknya orang minta-minta dan orang-orang miskin

yang tidak mahu minta-minta".<sup>9</sup>

Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa zakat pada mulanya disyariatkan kepada umat Islam tanpa diterangkan secara terperinci mengenai jenis-jenis harta benda yang diwajibkan zakat dan kadar yang wajib dikeluarkan. Keadaan ini berlaku di Mekah Mukaramah pada permulaan Islam seperti yang diterangkan dalam ayat-ayat al-Quran yang diturunkan pada masa itu. Walau bagaimanapun perintah zakat telah juga disampaikan oleh Nabi-nabi yang telah lalu kepada umat masing-masing seperti yang diterangkan di dalam al-Quran dalam ayat-ayat 83 Surah al-Baqarah, 12 Surah al-Maidah, 31 dan 52 Surah Mariam, 73 Surah al-Nabi'aq dan 4-5 Surah al-Binah. Kemudiannya setelah Nabi (saw) berhijrah ke Madinah almunawarah dan setelah terbentuknya umat dan negara Islam, zakat disyariatkan dalam bentuk yang lengkap dan sempurna iaitu dengan menerangkan jenis harta benda yang diwajibkan zakatnya, jumlah yang wajib dikeluarkan, orang-orang yang berhak menerimanya dan lain-lain lagi secara satu persatu. Keadaan ini berlaku pada tahun yang kedua Hijrah.

Dalil-dalil wajib zakat diterangkan secara berulang-ulang di dalam al-Quran malah perintah 'mengeluarkan zakat' selalu sahaja disebut berpasangan dengan perintah mendiri-

---

9. Surah al-Ma'rij: 24-25, Terjemahan Prof. Soenarjo, op. cit.

kan sembahyang. Di dalam hadis pula ditegaskan bahawa zakat menjadi salah satu dari rukun Islam yang lima.

### 2.3. BALASAN BAGI ORANG YANG TIDAK MENGELUARKAN ZAKAT.

Sebagaimana orang-orang yang mengeluarkan zakat dijanjikan dengan sebaik-baik balasan maka orang-orang yang engkar diberikan amaran yang sekeras-kerasnya dan dijanjikan dengan azab siksa yang sungguh ngeri dan menggerunkan. Firman Allah (swt) yang bermaksud

".... dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan balasan azab dan siksa yang tidak terperinci sakinnya".<sup>10</sup>

Begitu juga dalam beberapa hadis yang menerangkan antara lain: 'bahawa orang yang tidak mengeluarkan zakat binatang ternakan, sama ada unta atau lembu ataupun kambing, maka ia pada hari kiamat kelak akan dipijak-pijak, digigit dan ditanduk oleh binatang-binatang ternakan itu'.

Balasan-balasan terhadap orang-orang yang menolak kewajiban membayar zakat dapat dilihat jelas dalam pemerintahan Saidina Abu Bakar selepas wafatnya Rasulallah

---

10. Surah at-Taubah: 34, Ibid.

(saw). Saidina Abu Bakar telah mengirim tentera memerangi kaum-kaum Arab di sekeliling Madinah yang dikira murtad kerana enggan mengeluarkan zakat. Peperangan itu dinamakannya 'Peperangan Ahlilraddah' iaitu peperangan kaum yang murtad dengan katanya:

'Jika mereka itu tidak hendak mengeluarkan zakat dan menghantarkan kepada aku jika sebesar harga simpai lutut unta sahajapun nescaya aku perangi mereka itu sebagaimana aku memerangi orang-orang yang murtad'.

Memandangkan kepada hukuman-hukuman dan balasan-balasan yang dikenakan ke atas orang-orang yang enggan mengeluarkan zakat, memperlihatkan betapa zakat itu penting dalam kehidupan. Zakat itu adalah merupakan rukun agama seperti sembahyang yang tidak dapat diabaikan. Zakat merupakan minyak kepada enjin pentadbiran masyarakat dan kelanjutan wibawa Islam. Ketiadaan zakat bererti masyarakat Islam menjadi lumpuh atau kaku untuk mengisi bidang kehidupan yang berkaitan dengan kewangan.

#### 2.4. HIKMAT DAN KEPENTINGAN ZAKAT.

Sebagai umat Islam kita wajib percaya bahawa setiap yang disyariatkan oleh Allah (swt) mempunyai hikmat dan kepentingannya yang tersendiri. Begitu juga dengan zakat di mana dengan zakat Islam menghendaki supaya tingkat

kehidupan antara segenap umatnya seimbang dan tidak mempunyai jurang yang terlalu luas. Islam tidak menghendaki umatnya hidup dengan cara yang berlebih-lebihan sedangkan segolongan besar lagi umatnya hidup dalam serba kemelaratan. Justeru itu diwajipkan zakat ke atas harta yang bertimbun-timbun milik golongan hartawan supaya kehidupan golongan kaum yang melarat menjadi lebih tinggi dan lebih baik sedangkan golongan hartawan tidak jatuh papa dengan pengeluaran zakat olehnya.

Sememangnya Islam menghendaki umatnya berusaha untuk mencari kekayaan dengan jalan yang diredhainya. Dalam perjuangan ini, terdapat juga golongan yang tidak bernasib baik, maka kesusahan itu tidak dapat dielakkan lagi. Keadaan ini akan berterusan sekiranya tidak terdapat satu jaminan sosial yang dapat membantu mereka. Oleh itu zakat disyariatkan untuk mencapai tujuan ini. Jadi setiap orang Islam yang berada mesti membantu mereka yang memerlukannya. Secara tidak langsung dengan mengeluarkan zakat, seorang kaya itu juga akan memperolehi faedahnya di mana ia dapat mengikis sifat bakhil, kikir dan sebagainya dari dirinya. Ini kerana Allah (swt) amat membenci umatnya yang hanya mementingkan diri sendiri. Dari Hadis Rasulallah (saw) yang bermaksud

"Tidaklah beriman kepadaku, barang siapa yang tidur dengan perut kenyang, pada hal jiran tetangganya lapar dan dia tahu"

Maka dari hadis itu dapat dilihat bahawa Islam amat

menggalakkan umatnya mementingkan persaudaraan dan rasa sayang-menayangi antara sesama insan.

Memang tidak dapat dinafikan setiap orang akan rasa sayang dan berat untuk menyerahkan hartanya kepada orang lain walaupun sedikit, terutamanya mereka yang tidak beriman. Walau bagaimanapun sekiranya hal ini dikaji dengan lebih mendalam maka akan terdapat hikmat dalam hubungan manusia dengan Tuhan dan manusia dengan manusia. Walaupun seorang yang mengeluarkan zakat, hartanya yang dikeluarkan hanya beberapa peratus sahaja tetapi dari keadaan ini akan dapat menghapuskan hasad dengki dan iri hati dari orang miskin terhadap orang kaya. Kemiskinan dapat dikurangi.

Dalam sebuah masyarakat yang terdapat golongan miskin diabaikan maka kemungkinan besar mereka akan mencuri, merompak, melacur diri dan sebagainya. Malahan mereka akan melakukan apa sahaja untuk hidup. Dengan ini keadaan masyarakat tidak akan tenteram dan kacau-bilau. Islam sendiri mengakui bahawa kemiskinan akan terus wujud jika tidak dibasmi melalui rancangan yang ditetapkan Allah (swt) Melalui rancangan zakat, Orang-orang miskin dapatlah dibantu untuk mengubah taraf hidup mereka. Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas berdasarkan sejarah iaitu semasa pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Di zamannya tiada rakyatnya yang dikira layak untuk menerima bantuan zakat. Ini kerana Khalifah Umar telah menjalankan pentadbirannya dengan begitu sempurna sekali.

Zakat juga dapat membimbing seseorang itu membentuk akhlak dan budi pekerti yang mulia. Pembayar zakat adalah seorang yang mulia di sisi Allah. Dengan pengeluaran zakatnya juga maka terlepaslah dari azab dan siksa Allah (swt) keran Allah telah berjanji akan memberikan ganjaran kepada setiap umatnya yang berbuat kebajikan seperti firman-Nya yang bermaksud

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman, mengerjakan amal saleh, mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat, mereka mendapat pahala di sisi Tuhan mereka. Tidak ada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati".<sup>11</sup>

Dengan zakat juga, dapat digunakan untuk pembangunan negara kerana harta yang dikumpulkan juga dimasukkan ke Baitulmal dan bila cukup tempuh dan syaratnya maka harta itu dapat digunakan untuk tujuan yang menguntungkan masyarakat Islam dengan cara yang direhui Allah.<sup>12</sup> Dengan cara ini, pentadbiran negara dapat dijalankan dengan cara yang teratur kerana masyarakat hidup dalam keadaan yang tenteram. Lagipun semua umat Islam akan dapat sumbang walaupun kecil jumlahnya. Mengikut Kassim Ahmad, zakat sebagai satu cukai pendapatan juga dapat digunakan bagi

11. Surah al-Baqarah: 277, Ibid.

12. Lihat tulisan Ustaz Abdul Rauf Abdul Majid Badr, Laporan Persidangan Islam Se Malaysia, 1969.

keperluan-keperluan sebuah negara moden meliputi pertahanan, pentadbiran, pembangunan ekonomi dan masyarakat di bawah tajuk 'perbelanjaan di jalan Allah'.<sup>13</sup>

Islam mewajibkan kerja ke atas orang-orang yang mampu bekerja dan menganggap bekerja itu adalah fardhu 'ain. Banyak ayat-ayat al-Quran dan hadis yang menunjukkan betapa terpujinya orang yang rajin bekerja. Jadi, orang-orang yang tidak berada menjadi lebih mudah untuk menolong golongan yang kaya meninggikan hasil mereka kerana lebih kaya orang itu maka lebih banyak zakat yang akan diperolehi kerana mereka sedar ada hak mereka dalam harta mereka dalam harta orang kaya itu. Sementara sikaya pula akan bertambah rezekinya kerana kemuliaan hatinya menolong golongan yang mlarat.

## 2.5. JENIS DAN PEMBAHAGIAN.

Zakat terbahagi kepada dua jenis iaitu zakat harta benda dan zakat fitrah. Kedua-duanya mempunyai ciri dan peraturan yang tersendiri.

### 2.5.1. Zakat Harta.

Mengikut Ustaz Abdul Rauf Abdul Majid Badr, Zakat harta adalah cukai yang wajib dan dipaksakan yang sering dihubungkan oleh Islam dengan sembahyang dan disebut sebagai

13. Kassim Ahmad, Teori Sosial Moden Islam, Fajar Bakti Sdn. Bhd. Petaling Jaya, 1984. m/s: 151.

jambatan agama, sebagaimana sembahyang disebut sebagai tiang agama dan dijadikan satu di antara rukun Islam yang lima. Orang yang engkar membayar zakat tersebut boleh diperangi dan penentangnya dihukum terkeluar dari Islam.

Di antara harta-harta yang diwajibkan zakat ada 4 iaitu:

- a) Zakat emas, perak dan matawang.
- b) Hasil tanaman.
- c) Binatang ternakan.
- d) Perniagaan.

Walaupun harta-harta tidak dinyatakan satu persatu dalam al-Quran tetapi di dalam hadis dihuraikan lebih lanjut bukan sahaja tentang jenis-jenis harta yang diwajibkan zakat tetapi juga dijelaskan nisab atau jumlah harta yang diwajibkan zakatnya.

- a) Zakat emas, perak dan matawang.

Syarat-syarat bagi orang yang mempunyai emas, perak dan wang yang diwajibkan ke atasnya zakat ialah Islam, merdeka, hak milik yang sempurna, cukup nisab dan cukup haul (genap setahun dalam miliknya).

Bagi emas, zakatnya wajib dikeluarkan apabila emas itu seberat 20 'misqal' iaitu sama dengan 20 'dinar' iaitu timbangan yang digunakan dalam zaman Nabi (saw). Ianya bersamaan pula dengan 25 mayam 2.7108 saga emas ataupun

84 gram beratnya.<sup>14</sup> Jadi seseorang yang memiliki emas sebanyak itu atau lebih sama ada yang berketul-ketul atau yang telah ditempa menjadi barang perhiasan serta telah cukup pula setahun lamanya maka wajiblah dikeluarkan zakatnya. Sebanyak  $2\frac{1}{2}\%$  atau  $1/40$  dikenakan pada tiap-tiap tahun selagi benda-benda itu dalam miliknya. Walau bagaimanapun emas yang dijadikan perhiasan dan barang-barang kemas wanita yang tidak berlebih dari yang sepatutnya maka tidak diwajibkan zakat.

Nisab perak ialah 5 'waqih' iaitu 200 dirham seperti timbangan yang digunakan di zaman Nabi (saw). Ia bersamaan dengan 176 mayam 6.9732 saga perak<sup>15</sup> atau 588 gram beratnya.<sup>16</sup> Oleh itu orang-orang yang memiliki perak sebanyak itu atau lebih serta telah cukup pula setahun lamanya, maka wajib ke atasnya  $2\frac{1}{2}\%$  atau  $1/40$  dari jumlah beratnya kecuali perak yang telah dijadikan perhiasan badan oleh perempuan yang tidak berlebih-lebih dari yang sepatutnya.

Bagi zakat wang pula, ia adalah termasuk semua jenis matawang yang kita gunakan hari ini. Di dalam risalah

14. Dr. Abdullah Siddik, Intidasar Islam, Pustaka Antara, Kuala Lumpur. m/s: 127.

15. Kiraan mayam dan saga adalah mengikut buku Undang-undang Pentadbiran Agama Islam, 1959 di bawah tajuk Peraturan-peraturan Pungutan Zakat dan Fitrah Negeri Pulau Pinang, 1979, m/s: 10.

16. Op. cit., Intidasar Islam. m/s: 127.

Ibadah Zakat oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, diterangkan bahawa matawang Malaysia yang digunakan sekarang sama ada wang kertas, syiling, sen dan sebagainya adalah diwajibkan zakat. Matawang Malaysia pada dasarnya ialah emas. Hal ini dipandang dari segi cagarannya di mana setiap nilai matawang yang digunakan itu dicagarkan dengan emas tulin. Oleh itu nisabnya adalah seperti nisab emas iaitu 20 misqal bersamaan dengan 25 mayam 2.7108 saka emas yang nilai harganya adalah mengikut nilai harga yang ditetapkan oleh kerajaan pada tarikh pembayaran zakat itu dibuat. Kadar zakat yang dikenakan ke atas orang yang memiliki wang sebanyak itu atau lebih ialah 2½% atau 1/40.

Selain dari itu "hutang wang tunai, saham dalam syarikat perniagaan atau perusahaan, pinjaman-pinjaman, caruman tabung pekerja..."<sup>17</sup> wajib dikeluarkan zakatnya.

b) Zakat Binatang Ternakan.

Binatang ternakan yang diwajibkan zakatnya ialah unta, lembu (termasuk kerbau) dan kambing (termasuk kiri-biri dan kibas). Sementara syarat-syarat wajibnya zakat binatang ternakan ialah :

- a) Islam.
- b) Merdeka.
- c) Hak milik yang sempurna.
- d) Cukup nisab.

17. Op. cit, Sheikh Abdullah Basmi, n/s : 39.

- e) Genap setahun dalam miliknya.
- f) Tidak digunakan untuk menjalankan sesuatu kerja dan tidak menanggung belanja makannya, hanya dilepaskan meragut rumput di padang. Ini dibuktikan dari hadis Nabi (saw) :

"zakat kambing terletak pada pembiakannya dengan sendiri".

Merujuk kepada nisab bagi binatang-binatang ternakan ini adalah seperti berikut:

i) Zakat Unta.

Permulaan bagi zakat unta ialah 5 ekor, jadi kalau kurang dari itu maka tidaklah diwajibkan zakat. Kadar zakat yang dikenakan bagi unta ialah seperti yang ternyata dalam jadual di bawah :

Jadual 1.

Kadar zakat yang dikenakan bagi unta.

Bilangan unta	Kadar dikeluarkan zakat
5 - 9	1 ekor kambing / biri-biri
10 - 14	2 ekor kambing / biri-biri
15 - 19	3 ekor kambing / biri-biri
20 - 24	4 ekor kambing / biri-biri
25 - 35	1 ekor unta betina 1 tahun lebih
36 - 45	1 ekor unta betina 2 tahun lebih
46 - 60	1 ekor unta betina 3 tahun lebih

61 - 75	1 ekor unta betina 4 tahun lebih
76 - 90	2 ekor unta betina 2 tahun lebih
91 - 120	2 ekor unta betina 3 tahun lebih
121	3 ekor unta betina 2 tahun lebih

Begitulah seterusnya setiap bertambah 40 ekor, dikeluarkan seekor unta betina berumur 2 tahun lebih dan setiap bertambah 50 ekor, dikeluarkan seekor unta betina berumur 3 tahun lebih.

ii) Zakat Lembu, zakatnya seekor lembu betina yang berumur 2 tahun.

Nisab atau bilangan yang paling minima dikenakan zakat bagi lembu ialah 30 ekor. Maka orang yang mempunyai lembu sebanyak itu atau lebih dan cukup syarat-syaratnya diwajibkan membayar zakat. Mengikuturaian ulamak, makin bertambah jumlahnya, makin bertambah zakatnya seperti berikut :

Jadual 2.

Kadar zakat yang dikenakan bagi lembu.

Bilangan lembu	Kadar dikeluarkan zakat
30 - 39	1 ekor lembu jantan 1 tahun lebih
40 - 59	1 ekor lembu betina 2 tahun lebih
60 - 69	2 ekor lembu jantan 1 tahun lebih
70 - 79	1 ekor lembu betina 2 tahun lebih dan 1 ekor lembu jantan 1 tahun lebih
80 - 89	2 ekor lembu betina 2 tahun lebih

90 - 99	3 ekor lembu jantan 1 tahun <u>lebih</u>
100 - 109	2 ekor lembu jantan 1 tahun <u>lebih</u>
110 - 119	dan 1 ekor lembu betina 2 tahun <u>lebih</u>
120	2 ekor lembu betina 2 tahun <u>lebih</u>
	dan 1 ekor lembu jantan 1 tahun <u>lebih</u>
	4 ekor lembu jantan 1 tahun atau
	3 ekor lembu betina 2 tahun <u>lebih</u>

iv) Zakat pada Lambs

Seterusnya yang lebih dari itu, tiap-tiap 30 ekor zakatnya seekor lembu jantan yang berumur setahun dan tiap-tiap 40 ekor zakatnya seekor lembu betina yang berumur 2 tahun.

dan lain-lain.

iii) Zakat Kambing / Biri-biri / Kibas.

Nisab atau sekurang-kurangnya bilangan kembing dikenakan zakat ialah 40 ekor. Kadar zakat kambing adalah seperti jadual di bawah :

a) Rak milik yang mempunyai.

b) Cara perhitungan. Jadual 3.

c) Kadar zakat yang dikenakan bagi kambing.

dan akan disimpulkan.

Bilangan kambing      Kadar dikeluarkan zakat

40 - 120      1 ekor kambing atau biri-biri <sup>18</sup>

18. Biri-biri yang dikeluarkan sebagai zakat itu hendaklah berumur setahun lebih dan mengikut kata Rafie memadai juga dengan yang telah bersalin gigi hadapannya selepas berumur 6 bulan dan kambing hendaklah berumur 2 tahun lebih.

121 - 200	2 ekor kambing atau biri-biri
201 - 299	3 ekor kambing atau biri-biri
300 - 400	4 ekor kambing atau biri-biri

seperti di perak.

Selepas itu tiap-tiap bertambah 100 ekor zakatnya ditambah seekor. tidak menggunakan tenaga seperti dijirai dengan air tanah diangkat tetapi menggunakan alat dan hujan

iv) Zakat Hasil Tanaman.

Hasil-hasil tanaman yang diwajibkan zakatnya ialah :

- a) Biji-bijian dari jenis-jenis yang mengenyangkan dan tahan disimpan seperti padi, gandum, jagung dan lain-lain.
- b) Buah-buahan seperti kurma dan anggur sahaja.

Syarat-syarat wajib hasil tanaman ialah :

- a) Islam.
- b) Merdeka.
- c) Hak milik yang sempurna.
- d) Cukup nisab.
- e) Dari jenis biji-bijian dan buah-buahan yang mengenyangkan dan tahan disimpan.
- f) Ditanam oleh manusia.

Nisab bagi hasil tanaman ialah 5 Ausuq iaitu bersamaan 363 gantang mengikut sukatan gantang Malaysia. Selepas dibersihkan dari jerami dan hampanya. Hukum ini berdasarkan Sabda Rasulallah (saw) yang bermaksud :

- c) Sebarang<sup>19</sup> "Dan tidak dikenakan sedekah zakat bagi yang kurang 5 Ausuq"<sup>19</sup>

Kadar zakat yang dikenakan bagi hasil tanaman ialah seperti di bawah :

1/10 iaitu tiap-tiap 400 gantang zakatnya 40 gantang jika siramannya tidak menggunakan tenaga seperti dijirus dengan air yang diangkut tetapi menggunakan siraman hujan atau air sungai.

Manakala 1/20 iaitu tiap-tiap 400 gantang zakatnya 20 gantang jika siramannya dengan menggunakan tenaga, jentera atau binatang atau taliair yang dikenakan bayaran.

v) Zakat Barang-barang Perniagaan.

a) "... barang-barang perniagaan ialah semua mata benda perniagaan yang diniatkan untuk tujuan berniaga seperti barang-barang runcit, makanan, minuman, pakaian, kenderaan, pelbagai alat dan lain-lain".<sup>20</sup>

Dengan kata lain barang perniagaan ialah :

- a) Sebarang rupa perniagaan yang memperdagangkan barang-barang.  
b) Sebarang perusahaan yang mengeluarkan barang-barang.

18. Surah al-Baqarah: 267. Prof. Soenarto, op. cit.  
19. Hadis riwayat Bukhari daripada Abu Said al-Khadri, op. cit,  
Panduan Rasulallah (saw) mengenai: Zakat, Sedekah dan  
Khairat. m/s: 50.  
20. Ibid. m/s: 51.

c) Sebarang usaha mengambil upah seperti pengangkutan udara atau laut atau darat.

Jadi orang-orang Islam yang menjalankan perniagaan dan cukup syarat-syaratnya, wajib membayar zakat barang-barang perniagaannya. Seperti firman Allah yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah sebahagian daripada usaha kamu yang baik".<sup>21</sup>

Diantara syarat-syarat wajib bagi zakat perniagaan ialah :

- a) Islam.
- b) Merdeka.
- c) Hak milik yang sempurna.
- d) Genap setahun perniagaan dijalankan.
- e) Cukup nisab pada tarikh perniagaan itu genap setahun.

Nisab zakat perniagaan sama dengan nisab emas iaitu mengikut nilai wang Malaysia yang sedang diperedarkan.<sup>22</sup>

Oleh kerana matawang Malaysia berdasarkan emas maka nilaiannya sentiasa berubah-ubah, turun naik mengikut harga emas pada yang dijadikan titran iaitu makam utama di seauuan di pasaran.

Kadar zakat perniagaan yang wajib dikeluarkan ialah satu-

Kadar zakat perniagaan yang wajib dikeluarkan ialah satu-

21. Surah al-Baqarah: 267, Prof. Soenarjo, op. cit.

22. Lihat keterangan mengenai nisab zakat wang yang telah diterangkan di bahagian yang lalu.

23. Sesamaan juga dengan di kg.

sebanyak  $2\frac{1}{2}\%$  atau  $1/40$  daripada semua nilai harga barang-barang yang diperniagakan pada tarikh cukup setahun perniagaan dijalankan. Untuk mengeluarkan zakat perniagaan, setiap ahli perniagaan hendaklah membuat kiraan ke atas apa yang ada pada akhir tahun perniagaan, maka jika didapati cukup nisabnya wajiblah ia mengeluarkan zakat perniagaannya itu. Caranya ialah seperti berikut :

- a) Nilaikan semua barang-barang perniagaan<sup>23</sup> dan jumlahkan semua harganya menjadi satu.
- b) Campurkan jumlah harga barang-barang itu dengan wang tunai yang ada di dalam simpanan. Kemudian campurkan dengan hutang-hutang yang terjamin dibayar balik oleh pelanggan-pelanggan yang berhutang. Tetapi wang yang kita berhutang dengan orang lain hendaklah ditolak. Dari jumlah inilah maka diambil  $2\frac{1}{2}\%$  atau  $1/40$  untuk dibayar zakat.

#### 2.5.2. Zakat Fitrah.

Zakat fitrah ialah zakat badan yang diwajibkan kerana tamat bulan Ramadhan dan dikeluarkan mengikut peraturannya. Benda yang dijadikan fitrah ialah makanan utama di sesebuah negeri seperti beras di Malaysia. Kadarnya ialah satu gantang Baghdad bersamaan dengan 3 cupak sukatan Malaysia atau 3 kati 12 tahil.<sup>24</sup>

23. Barang-barang yang dinilai untuk zakat ialah barang-barang yang diperniagakan. Barang-barang tetap yang tidak diperniagakan seperti kerusi, meja dan sebagainya tidaklah dikenakan zakat.

24. Bersamaan juga dengan  $2\frac{1}{2}$  kg.

Zakat fitrah ini diwajibkan ke atas tiap-tiap orang Islam lelaki dan perempuan, kecil dan besar ~~sama ada~~ merdeka atau hamba bila cukup syarat-syaratnya. Ini berdasarkan hadis Rasulallah (saw) yang disampaikan oleh Ibnu Umar r.a. dan diriwayatkan oleh Bukhari yang bermaksud:

"Rasulallah (saw) mewajibkan zakat fitrah berbuka Ramadhan, sebanyak satu sha' (gantang) tamar atau gandum atas tiap-tiap orang muslim, ~~merdeka atau hamba, lelaki maupun perempuan".~~

Zakat fitrah telah diwajibkan pada bulan Sha'aban tahun yang kedua Hijrah iaitu selepas Rasulallah (saw) membina pemerintahan di Madinah. Zakat fitrah adalah zakat badan yang diwajibkan ke atas tiap orang Islam yang mempunyai pendapatan lebih daripada perbelanjaan perlu bagi dirinya dan tanggungannya dalam bulan Ramadhan hingga sebelum pagi 1 Syawal.

Di dalam hadis, zakat fitrah disebut dengan Zakatul Fithri kerana zakat ini merupakan buka dari shiyam (puasa). Sementara dalam kitab fikh disebut dengan Zakatul Fithroti kerana ini merupakan Zakatul Kholtoti, ertiinya zakat badan iaitu membersihkan badan dari berpoya-poya dan juga untuk memberi makanan kepada orang miskin.

a) Tujuan zakat fitrah disyariatkan.

Dengan pembayaran zakat fitrah kepada fakir miskin dan orang-orang yang berhak menerimanya di hari kebesaran

Islam, maka ini dapat memberi kegembiraan kapada mereka ini. Dengan demikian dapatlah mereka ikut sama bergembira dan bersyukur pada hari raya yang mulia. Ia juga untuk menanamkan perasaan lebih mesra di antara satu dengan lain.

Pengeluaran zakat oleh orang yang mampu dapat membersihkan puasa yang dikerjakan dari perkataan-perkataan yang sia-sia dan perkataan yang buruk. Jadi pengeluaran zakat fitrah ini dapat menampung kecacatan ibadat yang mungkin berlaku perkara-perkara yang mengurangkan kesempurnaannya.

b) Masa untuk mengeluarkan zakat fitrah.

Mengikut pegangan alim ulamak dalam Mazhab Shafei, masa bagi mengeluarkan zakat fitrah terbahagi kepada lima iaitu :

- i) Masa **wajib** iaitu bila telah jatuh matahari pada akhir bulan Ramadhan.
- ii) Masa harus iaitu zakat fitrah itu dikeluarkan pada awal bulan Ramadhan.
- iii) Masa fadhilat iaitu sebelum keluar untuk sembahyang hari raya.
- iv) Masa makhruh iaitu hingga selepas sembahyang hari raya dengan tiada uzur.
- v) Masa haram iaitu hingga selepas hari raya dengan tiada uzur.

c) Syarat-syarat wajib zakat fitrah.

- i) Islam.
- ii) Merdeka.

- iii) Orang yang mempunyai sesuatu (makanan, harta atau wang) yang lebih daripada keperluannya dan keperluan yang ditanggung nafkahnya untuk satu malam dan satu hari iaitu hari raya itu. Orang-orang yang wajib ditanggung nafkahnya ialah isteri, anak-anak dan juga ibu atau bapa yang miskin.
- iv) Hidup pada akhir bulan Ramadhan dan awal bulan Syawal.

## 2.6. GOLONGAN YANG BERHAK MENERIMA HARTA ZAKAT.

Firman Allah (swt) dalam surah at-Taubah: 60 yang bermaksud :

"Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin dan amil-amil yang menguruskannya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah, dan orang-orang yang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan.<sup>25</sup>

Dari ayat di atas jelas bahawa Allah telah menetapkan 8 asnaf sebagai golongan yang berhak menerima zakat. Allah (swt) tidak menyerahkan sahaja hal ini kepada ijtihad seseorang walaupun Rasulallah (saw) sendiri. Mengikut

25. Prof. Soenarjo, op. cit.

26. Sheikh Abdillah Basith, op. cit. p/21 71.

huraian ulamak, takrif tiap-tiap satu dari **asnaf yang 8** itu adalah seperti berikut :

2.6.1. Orang fakir.

2.6.2. Orang miskin.

Kalau dalam sesuatu nas sama ada al-Quran atau hadis disebutkan 'orang fakir' sahaja atau 'orang miskin' sahaja, maksudnya ialah kedua-dua sekali iaitu 'orang yang tidak berada' yang memerlukan bantuan.<sup>26</sup> Tetapi kalau disebutkan keduanya satu persatu iaitu orang-orang fakir dan miskin, maka ada sedikit perbezaan.

Sebahagian ulamak berpendapat bahawa fakir adalah orang yang lebih membutuhkan daripada orang miskin. Mengikut Imam Syafei orang fakir ialah orang yang tidak berharta dan tidak memiliki apa-apa serta tiada mata pencarian. Sedangkan orang miskin ialah orang yang ada harta atau mata pencarian atau mempunyai perusahaan yang mencukupi sekadar 50% tetapi tidak mencukupi sara hidupnya dan juga orang-orang yang menjadi tanggungannya.

Walau bagaimanapun kedua-dua golongan ini berhak mendapat bantuan dari masyarakatnya sama ada dengan wang ringgit atau mata benda sebagai derma atau khairat, atau sebagai pinjaman untuk dijadikan modal perniagaan atau dicarikan kerja bagi yang menganggur untuk menyara hidupnya

26. Sheikh Abdullah Basmih, op. cit. m/s: 71.

dengan cara yang lebih baik. Golongan fakir dan miskin ini akan mendapat 2/8 dari kutipan zakat.

### 2.6.3. Amil.

Amil ialah pemungut zakat yang dilantik oleh pemerintah Islam. Mereka yang bertanggungjawab menyelenggarakan pemungutan dan pembahagian zakat. Amil-amil dan penolongnya yang menjalankan tugas masing-masing dengan jujur dan sempurna dijanjikan sebaik-baik balasan di akhirat kelak.

Mereka boleh menerima zakat walaupun kaya sebab apa yang mereka terima merupakan upah dari jerih payahnya.

Walau bagaimanapun mengikut artikel Majlis Muzakarah Al-Azhar :

"Pada asasnya, zakat fitrah diberikan langsung oleh pengeluar yang wajib zakat kepada mustahiq (yang berhak menerima). Bila ditemukan kesukaran, barulah diserahkan pada perantaraan amil".<sup>27</sup>

Kalau berlaku yang demikian, mengikut Imam Shafei :

"Dan gugurlah bahagian daripada amilin kerana siwajib zakat mengurusi zakatnya sendiri

---

27. Majlis Muzakarah Al-Azhar, Panji Masyarakat, 1 hb. Ogos 1980. m/s : 57

maka ia tidak ada hak mengambil upahnya".<sup>28</sup>

#### 2.6.4. Golongan Muallaf.

Golongan muallaf ialah orang-orang yang dijinakkan hatinya dengan diberikan bantuan sampai mereka tetap teguh mencintai Islam. Mereka adalah orang-orang yang baru memeluk Islam dan lemah imannya. Meskipun pada mulanya ia memeluk Islam kerana sesuatu yang menguntungkan dari segi faedah-faedah dunia tetapi selepas ia berada dalam Islam dan setelah diberi bantuan dan layanan yang sepatutnya, maka dengan serta-merta akan menjadikan ia seorang Islam yang tetap teguh imannya.

Pemberian zakat kepada golongan muallaf mempunyai tujuan yang murni dan banyak faedahnya sama ada kepada diri mereka sendiri ataupun kepada agama Islam. Bagi mereka yang baru memeluk Islam dan terputus pula hubungan keluarga dengan Islamnya itu, maka perlulah mereka menerima zakat agar mereka tidak mengalami kesulitan kerana Islamnya itu. Bagi mereka yang berpengaruh kepada kaumnya yang masih musyrik sedangkan ia sudah Islam, maka dengan zakat memungkinkan mereka mengajak kaumnya memeluk Islam.

#### 2.6.5. Firrigab.

Firriqab ertinya hamba yang berusaha untuk menyempurna-

28. H.M. Bilal (Solo), Zakat fitrah sama dengan Zakatulmal, Majalah Islam Kiblat, Yayasan P.H.I. Jakarta, 20 hb. Jun 1984. m/s : 13

kan perjanjian menebus dirinya.<sup>29</sup> Mereka adalah hamba sahaya di mana dengan pemberian zakat dapat mengeluarkan mereka ke alam merdeka iaitu dengan cara membayar jumlah wang dan sebagainya yang ditentukan oleh tuannya, sedang ia tidak mempunyai wang itu.

Semasa wujudnya orang yang berkeadaan demikian, umat Islam yang mampu digalakkan membantunya sehingga ia terlepas dari belenggu perhambaan.

#### 2.6.6. Orang-orang yang berhutang (Gharimin).

Gharimin ertinya orang-orang yang berhutang bukan kerana maksiat. Maksudnya hutang yang dibenarkan oleh syarak. Oleh itu mereka berhak menerima zakat kerana mereka harus menyelesaikan hutangnya tetapi tidak berbuat demikian. Termasuk juga orang yang berhutang meskipun mampu untuk melunasinya, kalau hutang mereka itu untuk melaksanakan kepentingan umum seperti mereka yang melaksanakan pembangunan untuk seluruh manusia.

#### 2.6.7. Fisabilillah.

Fisabilillah ertinya mereka yang berperang kerana jalan Allah ataupun menjalankan apa-apa usaha dan kegiatan untuk meninggikan syiar Islam. Jumhur Ahli Fiqh berpendapat, maksud sabilillah (jalan Allah) ialah "para pahlawan

29. Peraturan-peraturan pungutan zakat dan fitrah negeri Pulau Pinang, 1979, m/s : 2.

sukarelawan dalam perjuangannya. Mereka diberi zakat meskipun mereka kaya sebagai pendorong keberanian mereka dalam bertempur."

Sementara Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa sabilillah maksudnya semua bentuk qurbah (usaha mendekatkan diri kepada Allah). Jadi termasuk dalam sabilillah adalah setiap usaha dalam rangka taat kepada Allah dan jalan bermacam-macam kebajikan apabila diperlukan. Jadi fisabilillah dapat dimaksudkan segala usaha yang dijalankan demi memperkembang dan meninggikan syiar Islam.

#### 2.6.8. Ibni Sabil.

Ibni Sabil ertinya orang musafir dari negeri ini atau negeri lain yang berkeputusan tambang atau belanja makan. Maka dengan pemberian zakat membolehkan ia pulang ke tempat asalnya kerana perjalanannya bertujuan baik dan dibenarkan oleh syarak.

Pada akhir '16, Pulau Pinang dikenali sebagai 'Pulo Pinang' oleh Portugis kerana bentuknya pulau pinang di negari Asie Tengah. Kewujudan pulau pinang ini bukan merupakan warisan yang lama dan singkat.

Pada akhir '16, Pulau Pinang dikenali sebagai 'Pulo Pinang' oleh Portugis kerana bentuknya pulau pinang di negari Asia Tengah. Kewujudan pulau pinang ini bukan merupakan warisan yang lama dan singkat.

## PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG.

### 3.1. SEJARAH RINGKAS PENUMBUHAN NEGERI PULAU PINANG.

Pulau Pinang terletak di utara Selat Melaka dan berdekatan dengan sempadan Malaysia dan Thailand. Cecilia Tan dalam bukunya bertajuk 'Penang' telah manggambarkan Pulau Pinang sebagai

"a tiny turtle shaped island whashed by the warm clear waters of the Indian Ocean and fringed by golden beaches and coconut palms".<sup>1</sup>

Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang kecil dengan ukuran 24 km panjang, 14.5 km lebar dan 280 km persegi luasnya. Walaupun kecil, negeri ini kaya dengan keindahan semulajadi dan sejarahnya.

Mengikut sejarahnya seorang pengembara yang sering berlayar antara Semenanjung Tanah Melayu dengan Sumatera telah menamakan pulau ini sebagai 'Pulau Ka Satu' (Single Island). Ini adalah kerana dalam kebanyakan perjalannya melalui kawasan-kawasan ini, ia tidak menjumpai kawasan yang luas dan tinggi.

Pada abad 16, Pulau Pinang dikenali sebagai 'Pulo Pinaom' oleh Portugis kerana banyaknya pokok pinang di negeri ini. Walau bagaimanapun Britishlah yang pertama berhubung dengan

<sup>1</sup>. Cecilia Tan, Penang, 1986. m/s : 5.

Pulau Pinang kerana mereka tertarik dengan pelabuhan semulajadinya. Pada 11 Ogos 1786,<sup>2</sup> British dengan diketuai oleh Francis Light telah manduduki Pulau Pinang. Oleh kerana hari tersebut merupakan hari lahir Prince of Wales maka Light manamakan pulau itu sebagai 'Prince of Wales Island'. Sebenarnya Pulau Pinang telah ditawarkan kepada Light sebagai pertukaran oleh Sultan Abdullah dari Kedah supaya ia campurtangan dalam permusuhananya dengan Siam.

Dari saat itu, Britishlah yang memerintah Pulau Pinang sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Kemudiannya Malaysia dibentuk pada 16 Sept. 1963. Tarikh 1786 dan tarikh 1963 merupakan titik permulaan dan akhirnya penjajahan British di semua negeri di Malaysia.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa penjajahan Inggeris telah meninggalkan banyak kesan ke atas sifat dan tradisi penduduk Malaysia. John Gullick dalam bukunya Malaysia : Economic Expansion and National Unity berkata

"Colonial rule was more than a system of government, alien and transient. It was also a powerful agent of change which has left its mark on Malaysia in many places—in its constitutional and administrative structure, in its economic development and its multi-racial communities, in its educational and legal systems and in its use, albeit diminishing of

the English language".<sup>3</sup>

Oleh itu, jelas bahawa walaupun zaman penjajahan telah berakhir namun kesannya masih terasa kepada seluruh penduduk Malaysia. Kesan yang amat ketara adalah dari segi pentadbiran di mana pentadbiran di mana pentaubiran di negara ini masih lagi terikut dengan cara British.

### 3.2. SEJARAH RINGKAS PERKEMBANGAN ISLAM DI PULAU PINANG.

Sebelum mengkaji hal pentadbiran Islam amnya dan zakat khususnya, maka perlu ditinjau terlebih dahulu sejarah kedatangan dan perkembangan Islam di negeri Pulau Pinang ini. Kajian ringkas ini penting dibuat memandangkan bahawa sejarah Islam di negeri ini berkait rapat rapat dengan pentadbiran dan perundangan Islam.

Dalam abad ke 15, penyebaran agama Islam telah berlaku dengan begitu pesat sekali sehingga ke zaman selepasnya. Jika diteliti catatan sejarah, penyebaran Islam mula bertapak di Melaka. Buku Sejarah Melayu menyatakan,

"bahawa datang sebuah kapal dari Juddah dan diketuai oleh makhdumnya seorang Arab yang bernama Sayyid Abdul Aziz, beliau mengadap raja Melaka bernama Raja Kechil Besar dan mengislamkannya bersama-sama dengan segala

3. J.M. Gullick, Malaysia : Economic Expansion and National Unity, Ernest Benn Limited, London 1981. m/s : 19.

orang Besar serta rakyat jelata".<sup>4</sup>

Walau bagaimanapun tarikh pengislaman itu tidak di-nyatakan. Mengikut T.W. Arnold dalam bukunya *The Preaching of Islam*

"Tarikh pengislaman tidak dapat dipastikan, cuma terdapat setengah-setengah catitan menunjukkan hal itu berlaku dalam tahun 1276 dan ada juga 1384 M".<sup>5</sup>

Dengan penerimaan Islam di Melaka, maka Islam telah berkembang secara perlahan-lahan ke negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu. Islam telah berkembang dengan pesat semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah dan Sultan Mansur Shah.

Walau bagaimanapun tarikh penyebaran Islam di Pulau Pinang juga tidak dapat dipastikan. Namun begitu kita boleh membuat andaian bahawa semasa Pulau Pinang diduduki oleh Inggeris, penduduk Pulau Pinang telah beragama Islam kerana sebelum kedatangan Inggeris, Pulau Pinang adalah sebahagian dari Kedah dan Kedah tertakluk kepada adat dan Undang-undang Islam.

Pulau Pinang (termasuk Seberang Perai) merupakan sebuah negara yang dijajah oleh Inggeris yang tertakluk

4. W.G. Shellabear, *Sejarah Melayu*, Singapore 1961. m/s : 75.

5. T.W. Arnold, *The Preaching of Islam*, London 1913. m/s : 372.

di bawah kerajaan Negeri-negeri Selat. Sepanjang pemerintahan Inggeris, Pulau Pinang tidak mempunyai Majlis Agama Islam atau Pejabat Agama yang mentadbirkan hal ehwal Agama Islam. Mengikut sejarah Pulau Pinang, masyarakat negeri ini memilih seorang kadhi untuk menjalankan tugas mengenai hal ehwal agama dan Gabenor mengeluarkan surat tauliah kepada kadhi bagi membolehkannya menjalankan tugas tersebut dan kadhi boleh melantik beberapa orang penolongnya. Sebilangan besar hal-hal kewajiban agama di dalam masyarakat kecil (kariah) dikelolakan oleh pegawai masjid. Walaupun hal-hal agama diserahkan kepada kadhi tetapi kadang-kadang kerajaan Inggeris juga campurtangan dalam setengah-setengah perkara. Contohnya hal pembicaraan harta pusaka orang-orang Islam biasanya dijalankan di Mahkamah Sivil.

Selepas Perang Dunia Pertama, Kerajaan Inggeris telah menubuhkan satu badan iaitu dinamakan The Muslim Advisory Board Penang. Tujuan utama ialah untuk memberi nasihat kepada kerajaan Inggeris mengenai hal-hal agama Islam termasuk segala peraturan dan undang-undang yang hendak diluluskan. Walau bagaimanapun tidak semestinya semua nasihat dan cadangan itu diikuti. Pengurus Badan ini ialah seorang British yang terdiri dari pegawai Malayan Civil Service. Walau bagaimanapun badan ini kemudiannya diganti dengan Muslim Religious Council. Tugas-tugas yang dijalankan oleh badan ini diberhentikan apabila Jepun menduduki Tanah Melayu tetapi setelah Jepun kalah, Inggeris menghidup-

kan semula badan ini, tetapi kali ini seorang Islam dilantik sebagai pengurusnya.<sup>6</sup>

Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 1957, Pulau Pinang dimasukkan dalam Persekutuan yang tertakluk di bawah perlembagaan Malaysia. Disebabkan Pulau Pinang tidak beraja dan merupakan agama negara Malaysia, maka yang menjadi ketua agama Islam bagi negara ini ialah Yang Dipertuan Agong.

Mengikut Perlembagaan Pulau Pinang, Majlis Mesyuarat Negeri hendaklah menu buhkan sebuah Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai untuk manasihatkan Yang Dipertuan Agong mengenai hal ehwal agama Islam. Pada tahun 1959, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai ditubuhkan. Kerajaan Pulau Pinang telah meluluskan beberapa peraturan dan undang-undang iaitu Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang No. 3, 1959, Peraturan-peraturan Fitrah Negeri Pulau Pinang 1962, Peraturan Jawatan Kuasa Kariah 1972 dan Peraturan-peraturan pungutan zakat dan fitrah Pulau Pinang 1972.

6. M. Suffian Hashim, The relation between Islam and the State in Malaya, dalam Intisari, MSRI Singapore 1962, vol. 1, No. 1 m/s ; 10 - 11.

### 3.3. SEJARAH PENUBUHAN MAJLIS UGAMA ISLAM PULAU PINANG DAN SEBERANG PERAI (MUIPP).

Sebelum terbentuknya MUIPP ini, sebelum merdeka telah terbentuk apa yang dipanggil 'Lembaga Penasihat Agama Islam.' Lembaga ini berperanan sebagai penasihat dan bertanggungjawab mengenai hal ehwal Agama Islam di negeri Pulau Pinang. Di antara tugas lembaga ini ialah mengkaji dan mencadangkan supaya satu badan yang bertanggungjawab sepenuhnya mengenai hal ehwal Agama Islam negeri Pulau Pinang ditubuhkan.

Pada tahun 1955, kerajaan Pulau Pinang telah melantik satu jawatankuasa untuk mengkaji penubuhan Majlis Agama Islam. Walau bagaimanapun usaha ini berjalan agak perlahan sedikit kerana berlaku beberapa pergolakan negara dalam usaha kearah mencapai kemerdekaan.

Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 1957, satu jawatankuasa khas telah dilantik oleh kerajaan negeri Pulau Pinang untuk mengkaji dari semua aspek dalam usaha kearah penubuhan Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai. Akhirnya jawatankuasa khas ini telah bersetuju dan mengesyorkan supaya diadakan undang-undang untuk membolehkan penubuhan Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai. Maka pada 15hb. April 1959 satu undang-undang bagi membolehkan penubuhan Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Undang-undang ini dinamakan

" Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Tahun 1959 (Undang-undang No. 3 1959)."

Undang-undang yang telah diluluskan ini kemudiannya telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat memandangkan kekurangan anggota dan kemudahan yang terdapat pada masa itu. Pada 1 hb. Jan 1960 DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong Kedua, Almarhum Tuanku Hishammuddin Alam Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Alaidin Sulaiman Shah telah memperkenankan perlantikan Yang Di Pertua MUIPP yang pertama iaitu Allahyarham Tuan Haji G.M. Yusoff, Allahyarham Tuan Haji Abdullah bin Haji Ibrahim sebagai Mufti pertama dan Tuan Haji Ali Rouse sebagai Setiausaha yang pertama. Ahli-ahli MUIPP yang pertama dilantik adalah terdiri dari 2 orang ahli Dewan Undangan Negeri yang beragama Islam dan 15 orang ahli terdiri dari tokoh-tokoh ulamak dan pemimpin tempatan.

#### 3.4. FUNGSI-FUNGSI MUIPP.

Fungsi utama MUIPP adalah menasihat ke bawah DYMM di dalam perkara-perkara yang bersangkut dengan agama Islam di Pulau Pinang. Ini dinyatakan dalam Undang-undang No. 3, Tahun 1959 (Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Tahun 1959).

Majlis juga boleh membuat perjanjian dan boleh juga memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan memiliki akan harta benda yang boleh dialih dan yang tidak boleh dialih daripada sebarang jenis.

Majlis juga boleh menukar, memberi, menyerah dan melepas-kan, mencagar, menggadaikan, mewasiat, memberi semula, memindah atau dengan lain cara memisah atau menyelenggar-a sebarang harta benda yang boleh dialih atau yang tidak boleh dialih yang terserah milik kepada majlis mengikut Hukum Syarak.

Majlis juga berkuasa menjadi wasi atau penguasa harta pusaka seseorang yang mati atau sebagai nazir bagi mana-mana amanah. Majlis mempunyai kuasa memungut bagi pihak Yang Di Pertuan Agong akan zakat fitrah yang kena dibayar di dalam negeri ini mengikut Hukum Syarak. Ini dinyatakan dalam seksyen 101, Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam 1959. Majlis juga adalah pemegang amanah yang tunggal bagi **kesemua masjid** di dalam negeri ini.

### 3.5. PERJALANAN PENTADBIRAN DI MUIPP.

MUIPP adalah merupakan badan berkanun negeri, maka segala urusan pentadbiran dan kewangan adalah mengikut amalan kerajaan dan ianya adalah tertakluk kepada odir kerajaan.

Dengan ikuan yang diperuntukkan padanya, Majlis telah Untuk melicinkan perjalanan pentadbiran Majlis dengan kuasa yang diperuntukkan dalam undang-undang No. 3 tahun 1959 di bawah seksyen 170, Majlis telah menggubal beberapa peraturan yang telah dikuatkuasakan iaitu

- 1) Peraturan-peraturan tetap mesyuarat Majlis 1973.

- 2) Peraturan Jawatankuasa Kariah 1972.
- 3) Peraturan-peraturan pungutan zakat dan fitrah negeri Pulau Pinang 1979.
- 4) Peraturan-peraturan perkahwinan dan perceraian negeri Pulau Pinang 1982.
- 5) Peraturan Jawatankuasa Penerangan Majlis tahun 1981.<sup>7</sup>

#### 3.5.1. Bahagian-bahagian Pentadbiran MUIPP.

Di bawah MUIPP terdapat beberapa bahagian pentadbiran yang dikhatuskan untuk sesuatu bidang tugas iaitu

- 1) Bahagian pentadbiran dan kewangan.
- 2) Bahagian zakat dan fitrah.
- 3) Bahagian kariah.
- 4) Bahagian baitulmal.
- 5) Bahagian wakaf.<sup>8</sup>

Untuk lebih jelas, sila lihat carta organisasi MUIPP di lampiran 1 m/s : 111.

#### 3.5.2. Jawatankuasa-jawatankuasa Majlis.

Dengan kuasa yang diperuntukkan padanya, Majlis telah menubuhkan 7 jawatankuasa yang bertujuan untuk memberi

- 
7. Diperturunkan daripada majalah Majlis Agama Islam dan Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Pulau Pinang, 27 hb. Jan 1983. m/s : 11.
  8. Ibid. m/s : 11.

fatwa, merancang, mengkaji, memberi nasihat dan melaksanakan apa juga keputusan Majlis. Jawatankuasa-jawatankuasa Majlis terdiri daripada

- 1) Jawatankuasa Syariah.
- 2) Jawatankuasa Wakaf.
- 3) Jawatankuasa Zakat dan Fitrah.
- 4) Jawatankuasa Penerangan.
- 5) Jawatankuasa Biasiswa.
- 6) Jawatankuasa Kenaikan Pangkat/Tatatertib dan Temuduga.
- 7) Jawatankuasa Pelaburan dan Pembangunan.

### 3.6. JAWATANKUASA ZAKAT DAN FITRAH.

Mengikut seksyen 101 (1), jawatankuasa ini mempunyai kuasa memungut bagi pihak Yang Di Pertuan Agong akan zakat dan fitrah dalam negeri ini mengikut hukum syarak. Ia bertanggungjawab di dalam hal-hal kutipan, pembahagian, menyediakan anggaran, menyimpan kira-kira dan melantik Lembaga Zakat dan Fitrah Kariah.

Jawatankuasa negeri hendaklah mengandungi seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, seorang Setiausaha dan 8 orang lain ahli yang hendaklah termasuk di dalamnya tidak lebih daripada 4 orang ahli Majlis. Semua ahli-ahli Jawatankuasa itu hendaklah memegang jawatan selama 3 tahun daripada tarikh perlantikan mereka dan hendaklah mempunyai kelayakan dilantik semula.<sup>9</sup> Dalam hal ini pengkaji tidak

9. Peraturan-peraturan Pungutan Zakat dan Fitrah Negeri Pulau Pinang, 1979. m/s : 4.

dapat mengemukakan nama ahli-ahli Jawatankuasa Negeri kerana semasa pengkaji membuat kajian, Jawatankuasa yang baru belum dilantik sedangkan yang lama sudah dibubarkan.

Bagi membantu Jawatankuasa negeri dalam pentadbiran zakat dan fitrah, maka Lembaga Zakat dan Fitrah Kariah dibentuk. Ia mengandungi anak-anak kariah yang mempunyai pengetahuan dalam hal ehwal zakat dan fitrah. Ahli-ahlinya terdiri daripada,

- a) Seorang Pengelola.
- b) Seorang Setiausaha.
- c) Seorang Bendahari.
- d) Tidak lebih daripada 4 orang ahli.

Tempoh perlantikan ahli-ahli Lembaga Zakat dan Fitrah Kariah adalah setahun dari tarikh perlantikan mereka dan mempunyai kelayakan untuk dilantik semula. Tiap-tiap Lembaga ini tertakluk di bawah kuasa dan arahan Jawatankuasa Negeri melalui pengelolanya. Kedudukan Lembaga ini adalah seperti berikut :

Bil.	Daerah	Jumlah
1	Timur Laut	1982

2	Barat Daya	23	27
3	Kepala Batas	64	49
4	Butterworth		
5	Bukit Mertajam	37	39
6	Nibong Tebal	21	23

\* Jumlah Jawatankuasa Kariah telah bertambah dengan tertubuhnya kariah-kariah baru.

Daripada jadual di atas, dapat diperhatikan bahawa Pulau Pinang telah dibahagikan kepada 6 daerah di mana setiap daerah dibahagikan pula kepada kariah-kariah yang ditadbirkan oleh Jawatankuasa Zakat dan Fitrah Kariah bagi memudahkan pentadbiran zakat dan fitrah di negeri ini. Setiap satu kariah mempunyai beberapa orang amil yang diketuai pula oleh Pengelola Amil. Bilangan amil yang dilantik di dalam satu-satu kariah bergantung kepada keluasan kawasan dan bilangan anggota yang perlu ditadbirkan.

### 3.7. GOLONGAN AMIL DAN FUNGSI-FUNGSINYA.

Sebelum seseorang itu menjadi amil, ia perlu melalui proses-proses tertentu. Amil-amil pada mulanya dicadangkan oleh Jawatankuasa Kariah dan kemudiannya akan disahkan oleh pihak MUIPP. Amil-amil ini mempunyai berbagai fungsi selain daripada bertugas mengutip zakat fitrah dan menyerahkannya kepada golongan fakir miskin.

Di antara amil-amil ini akan dilantik pula seorang

Pengelola Amil. Biasanya Pengelola Amil juga merupakan seorang pengurus Jawatankuasa Kariah yang dilantik oleh ahli-ahli kariah. Pengkaji difahamkan bahawa seorang Pengurus Jawatankuasa Kariah secara automatik akan menjadi Pengelola Amil. Sebagai Pengelola Amil dan juga Pengurus Jawatankuasa Kariah, mereka juga bertugas memberi nasihat, ceramah dan sebagainya terutamanya mengenai zakat fitrah terhadap penduduk-penduduk di kariah mereka. Kadang-kadang perkara-perkara mengenai zakat fitrah ini disebut juga dalam khutbah-khutbah Jumaat. Bagi golongan yang enggan membayar zakat atau menyerahkan zakat kepada orang lain selain daripada amil, maka Pengelola Amil akan menasihahkan orang-orang berkenaan. Walau bagaimanapun jika usaha ini tidak berjaya, pihak amil akan berdiam sahaja tanpa mengambil tindakan kerana sikap yang mereka pegang iaitu "tiada paksaan dalam beragam."

Di samping itu amil juga bertanggungjawab dalam menentukan orang-orang yang paling layak menerima zakat ini. Mereka mengambil ciri-ciri yang tertentu sebagai asas pemilihan dan kemudiannya akan diserahkan kepada MUIPP untuk disahkan. Biasanya Pengelola Amil akan menerima pengaduan dari orang-orang kampung dan kemudiannya barulah beliau akan pergi menyiasat bersama-sama amil yang lain. Mereka akan melihat kedudukan dan latar belakang orang-orang yang dicadangkan itu. Biasanya Pengelola Amil akan memilih balu yang tiada anak, ketua keluarga yang ramai tanggungannya, orang tua yang tinggal sendirian dan tiada waris.

### 3.8. BAHAGIAN PENTADBIRAN ZAKAT DAN FITRAH DI MUIPP.

Bahagian pentadbiran zakat dan fitrah di MUIPP mempunyai 5 orang kakitangan. Mereka terdiri daripada

- 1) Yang Di Pertua.
- 2) Setiausaha.
- 3) Pegawai Zakat.
- 4) 2 orang Kerani zakat.

Yang Di Pertua dan Setiausaha bagi bahagian ini juga merupakan Yang Di Pertua dan Setiausaha bagi MUIPP. Walau bagaimanapun, semasa penyelidikan dijalankan hanya terdapat 4 orang kakitangan sahaja di bahagian ini. Tempat bagi Pegawai Zakat dikosongkan kerana dasar kerajaan sekarang membekukan pengambilan pekerja baru kerana kemelesetan ekonomi negara. Oleh itu tugas-tugas Pegawai Zakat itu kini diambil alih oleh seorang Kerani Zakat.

Bahagian zakat dan fitrah ini bertanggungjawab dalam mengutip hasil-hasil dari zakat dan fitrah. Bagi kutipan zakat, kerani-kerani zakat bertugas menghantarkan borang-borang kepada golongan-golongan yang didapati layak untuk mengeluarkan zakat. Setelah itu mereka hanya menerima bayaran dari orang-orang berkenaan apabila ia diserahkan kepada mereka di pejabat MUIPP. Bagi kutipan fitrah pula kerani zakat akan pergi ke daerah-daerah seperti yang telah disebutkan sebelumnya. Mereka akan pergi ke satu tempat yang telah ditetapkan seperti pejabat kadhi bagi satu-satu daerah. Di pusat inilah amil-amil akan datang menyerahkan

hasil kutipan setelah mendapat arahan dari pihak MUIPP. Biasanya kerani zakat ini akan pergi ke satu-satu daerah selama dua hari.

### 3.9. OBJEKTIF ZAKAT OLEH MUIPP.

Tujuan utama MUIPP ditubuhkan adalah untuk meninggikan Syiar Islam di Pulau Pinang. Di samping itu ia juga berperanan untuk meninggikan taraf orang-orang Melayu di Pulau Pinang. Ini memandangkan penduduk Pulau Pinang yang terdiri dari berbagai kaum iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain kaum. Mengikut banci penduduk Pulau Pinang tahun 1980, Orang Melayu hanya 33.6% berbanding dengan kaum Cina 53.9%. Manakala kaum India hanya 11.4% dan kaum lain hanya 1.1%. Ini menunjukkan bilangan kaum Cina melebihi kaum Melayu dan kebanyakannya ekonomi di negeri Pulau Pinang banyak dikuasai oleh kaum Cina. Keadaan ini menyebabkan kaum Melayu<sup>10</sup> agak mundur dari segi ekonomi.

Jika diteliti kepada undang-undang zakat dan fitrah negeri Pulau Pinang, didapati MUIPP mempunyai matlamat sebagai ' social security ' kepada orang-orang Islam di Pulau Pinang. Memandangkan ekonomi Pulau Pinang banyak dikuasai oleh kaum lain, maka MUIPP merasa perlu mengawal dan mengawasi keadaan ekonomi orang-orang Islam agar mereka tidak tertindas di negeri mereka sendiri. Setakat ini orang-orang Islam di Pulau Pinang hanya menguasai beberapa

10. Andaian bahawa Orang Melayu adalah beragama Islam.

peratus sahaja daripada ekonomi Pulau Pinang. Oleh itu dengan adanya MUIPP, dapatlah orang-orang Islam ~~bergantung~~ bergantung nasib walaupun tidak secara langsung.

Dalam usaha meninggikan ekonomi orang Islam, MUIPP berharap dengan adanya zakat dan fitrah maka tanah orang-orang Melayu dapat ditebus kembali. Seperti yang sedia diketahui, banyak tanah orang-orang Melayu tergadai kepada kaum lain. Jadi dengan pengutipan dan pengumpulan dari zakat dan fitrah, dapatlah MUIPP membeli tanah-tanah untuk diusahakan oleh orang-orang miskin dengan mengenakan kadar sewa yang rendah. Dengan cara ini, orang-orang miskin yang tiada tanah dapat mengusahakannya sendiri tanpa hanya mengharapkan bayaran dari zakat dan fitrah.

Di samping itu MUIPP juga berharap untuk mendirikan bangunan-bangunan perniagaan untuk orang-orang Melayu sebagai tempat bermiaga. Mereka juga memberi modal yang dikira sebagai pinjaman. Langkah ini sebenarnya untuk membantu orang-orang Islam yang mempunyai daya usaha untuk bekerja tapi tidak mempunyai keupayaan dari segi kewangan seperti modal perniagaan dan penyewaan tempat bermiaga. Dengan cara ini diharapkan orang-orang Islam ini dapat meninggikan pendapatan dan taraf hidup mereka.

#### •10. LATAR BELAKANG RESPONDEN

##### 3.10.1. Latar belakang penerima-penerima zakat

Pengkaji telah menemui 7 orang penerima zakat di

Kampung Sungai Duri. Keseluruhan mereka terdiri dari golongan tua yang berumur lebih daripada 50 tahun. Kebanyakkan daripada mereka merupakan wanita-wanita kematian suami. Hanya seorang sahaja responden yang merupakan seorang suami yang begitu uzur di mana beliau disara oleh isterinya yang mengambil upah menoreh getah. Pasangan ini juga mempunyai seorang cucu yang terpaksa ditanggung kerana masih menuntut di salah sebuah institusi pengajian tinggi di negara ini. Umur responden-responden dapat dilihat di dalam jadual di bawah :

Jadual 5.

Umur Responden.

Umur responden	Bilangan
59 tahun	1
60 tahun	2
70 tahun	1
74 tahun	2
80 tahun	1
Jumlah	7

Dari segi pekerjaan, kebanyakkan responden yang ditemui tidak lagi melakukan apa-apa pekerjaan memandangkan usia mereka yang telah tua dan mengalami sakit-sakit. Keadaan ini dapat dilihat seperti dalam jadual 6 di sebelah.

Jadual 6.

Pekerjaan responden.

Pekerjaan	Bilangan responden
penoreh getah	3
tiada	4
Jumlah	7

Daripada jadual di atas didapati hanya **tiga orang** penerima zakat ini bekerja iaitu menoreh getah. Namun begitu pokok getah itu bukanlah milik mereka sendiri dan mereka hanya mendapat upahnya. Pendapatan purata mereka sebulan hanya \$30 seorang. Pendapatan yang begini rendah jika difikirkan secara mendalam tentulah tidak mencukupi untuk perbelanjaan selama sebulan. Namun begitu salah seorang daripada mereka telah mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak \$30 sebulan.

Bagi yang tidak bekerja, hanya **seorang** daripada mereka yang tinggal sendirian, sementara yang lain tinggal bersama anak, cucu ataupun dengan isteri. Hanya sebahagian kecil daripada mereka yang menerima bantuan secara bulanan daripada anak-anak mereka yang telah bekerja. Pendapatan responden dapat dilihat dalam jadual 7 di sebelah.

Jadual 7

Pendapatan Responden.

Responden	Pekerjaan	Bantuan Anak-anak	Bantuan dari
			Jabatan Kebajikan
			Masyarakat.
1	Tiada	\$30	Tiada
2	Tiada	\$90	Tiada
3	Tiada	\$40	Tiada
4	\$40	Tiada	Tiada
5	\$20	Tiada	\$30
6	\$30	Tiada	Tiada
7	Tiada	Tiada	\$50

Jadual 7 menunjukkan bahawa keseluruhan responden mempunyai pendapatan yang di bawah daripada garis kemiskinan. Jadi sudah sewajarnyalah mereka ini mendapat bantuan dari orang ramai melalui zakat. Walau bagaimanapun jika dibandingkan dengan bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat, didapati jabatan ini memberikan bantuan setiap bulan kepada golongan yang dikira layak menerimanya walau-pun jumlahnya tidaklah begitu besar. Bagi MUIPP, kadar yang diberikan begitu kecil, tambahan pula kadar ini hanya dibayar setahun sekali.

Di samping itu perkara yang ketara dapat diperhatikan

ialah hanya 42.9% dari responden ini yang menerima bantuan bulanan daripada anak-anak mereka, sedangkan sebahagian besar daripada mereka mempunyai bilangan anak-anak yang ramai di mana puratanya ialah lima orang. Keadaan ini dapat diperhatikan dengan jelas daripada jadual di bawah.

Jadual 8

Bilangan anak responden.

Bilangan anak	Bilangan responden
2	1
3	2
4	1
5	2
7	1
Jumlah	7

Kebanyakan dari responden ini tidak mempunyai tanggungan yang harus ditanggung kecuali seorang responden yang mempunyai seorang cucu. Walau bagaimanapun hidup responden dan cucunya ini ditanggung oleh isteri responden. Sedangkan responden yang lain kebanyakannya tinggal bersama-sama cucu dan anak menantu mereka. Walau bagaimanapun dalam perbelanjaan harian responden juga mengeluarkan wang belanja kerana memang pendirian mereka tidak mahu hanya mengharapkan bantuan daripada anak cucu sahaja. Ini memandangkan pendapatan mereka yang rendah dan tidak tetap.

Rata-rata responden ini tidak memiliki harta benda kecuali rumah yang didirikan di atas tanah orang lain. Walau bagaimanapun terdapat dua orang responden yang mempunyai tanah yang dipusakai dari ibubapa mereka. Namun begitu tanah itu tidak mendatangkan apa-apa hasil kerana rumah anak-anaknya didirikan di atas tanah itu. Namun terdapat seorang responden yang mempunyai rumah sewa di kampung yang dikaji. Walau bagaimanapun sewanya adalah terlalu rendah memandangkan kedudukan kampung ini yang agak jauh daripada bandar. Kedudukan harta-harta responden dapat dilihat dengan jelas seperti yang tertera dalam jadual di bawah.

Jadual 9

Kedudukan harta responden.

Responden	Harta benda					
	Tanah	Rumah	Kereta	Motorsikal	Basikal	TV
1	Tiada	ada	Tiada	Tiada	Tiada	ada
2	ada	ada	Tiada	Tiada	ada	ada
3	Tiada	ada	Tiada	Tiada	ada	ada
4	Tiada	ada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
5	Tiada	ada	Tiada	Tiada	ada	Tiada
6	Tiada	ada	Tiada	Tiada	ada	ada
7	ada	ada	Tiada	Tiada	ada	ada

Daripada Jadual di atas didapati 71.4% daripada

responden mempunyai barang mewah iaitu set televisyen. Walau bagaimanapun hanya dua orang responden yang mengakui bahawa set TV itu dibeli secara beransur-ansur sedangkan yang lainnya mendakwa ia dibeli oleh anak-anak ataupun cuma ditumpangkan sementara di rumah mereka. Walaupun semasa pengkaji menjalankan penyelidikan, didapati terdapat beberapa rumah responden yang mempunyai motorsikal, namun apabila disoal selidik, ternyata bahawa harta itu adalah kepunyaan anak-anak mereka yang dibeli hasil dari titik peluh mereka sendiri.

Walau bagaimanapun dari pemerhatian pengkaji didapati 28.5% daripada rumah responden terlalu kecil dan buruk hingga boleh diibaratkan sebagai sebuah pondok. Sementara 28.5% lagi menduduki rumah yang agak besar iaitu rumah dua tingkat yang mana separuh batu dan separuh lagi kayu. Selain itu, didapati tiga orang responden menduduki rumah yang sederhana dari segi saiz dan keadaannya.

Pada keseluruhannya tiada seorangpun dari responden ini yang mengalami kecacatan kecuali seorang responden yang agak rabun matanya akibat peningkatan umur. Walau bagaimanapun didapati seorang daripada responden terlantar di rumahnya kerana sakit dan uzur selama hampir empat tahun. Selama jangkamasa ini beliau tidak dapat menjalankan sebarang kerja kerana tidak berdaya. Keadaan hidupnya kelihatan begitu dhaif. Jadi sudah sewajarnyalah beliau menerima bantuan zakat dari MUIPP.

Walaupun setiap penduduk di Sungai Duri hanya menerima lebih kurang \$10 hasil kutipan fitrah untuk setahun, namun hanya 28.5% yang melahirkan rasa tidak puas hati dengan jumlah yang diterima kerana terlalu kecil. Sementara yang selebihnya melahirkan rasa syukur mereka kerana ada juga pihak lain yang mengambil berat terhadap mereka. Keseluruhan mereka menyerahkan kepada MUIPP kerana pada pendapat mereka adalah hak MUIPP sama ada mahu membantu mereka atau tidak. Jadi kalau MUIPP tidak memberi, mereka tidak dapat berkata apa-apa. Keseluruhan mereka mengakui bahawa mereka menerima bayaran pendahuluan yang diberi di awal puasa dan menerima bakinya pada Hari Raya. Mereka membelanjakan wang zakat ini untuk makanan sahaja memandangkan jumlahnya yang kecil.

## BAB 4

### PENTADBIRAN ZAKAT DAN FITRAH OLEH MUIPP.

#### 4.1. PENDAHULUAN.

Bab ini akan membincangkan mengenai bagaimana MUIPP menjalankan pungutan, pembahagian dan segala urusan yang berkaitan dengan zakat dan fitrah. Pengkaji juga akan melihat kelemahan dan kejayaan yang dialami oleh MUIPP selama mereka mentadbirkan zakat dan fitrah ini di samping mengupas masalah-masalah yang dihadapi.

#### 4.2. CARA-CARA PUNGUTAN HASIL.

Seperti yang diterangkan di dalam bab yang lalu, MUIPP dibantu oleh Jawatankuasa Negeri dan Jawatankuasa Kariah di dalam menjalankan pentadbiran zakat dan fitrah di Pulau Pinang. Di MUIPP sendiri terdapat dua orang kerani zakat yang tugasnya khusus dalam hal-hal yang berkaitan dengan zakat dan fitrah sahaja. Merekalah orang yang bertanggung-jawab mengutip dan menerima wang zakat dan fitrah yang dikeluarkan sama ada diserahkan sendiri oleh orang perseorangan ataupun oleh ketua-ketua amil.

##### 4.2.1. Pungutan zakat harta.

Sehingga pengkaji membuat penyelidikan ini, MUIPP hanya menjalankan kutipan zakat dari dua sumber harta sahaja iaitu

- a) Wang simpanan

b) Perniagaan.

Pengutipan zakat perniagaan dijalankan dengan cara mengambil senarai daftar perniagaan dan kemudiannya menghantar borang untuk diisi oleh orang-orang yang menjalankan perniagaan dan didapati mencukupi syarat-syarat wajib mengeluarkan zakat. Kemudiannya orang-orang yang berkenaan akan datang sendiri ke MUIPP untuk menjelaskan bayaran zakat kepada dua orang kerani zakat di MUIPP. Setiap pengeluar zakat akan menerima resit sebagai bukti penerimaan. Di samping sebagai bukti penerimaan, resit ini juga berguna kepada pengeluar zakat kerana akan melepaskan mereka dari bayaran cukai pendapatan. (Sila lihat lampiran contoh borang zakat perniagaan dan resit penerimaan zakat).

Begitu juga dengan pengutipan ke atas zakat wang simpanan. Borang-borang akan dihantar kepada pegawai-pegawai kerajaan yang cukup syarat-syaratnya serta telah didapati layak untuk mengeluarkan zakat. Mereka juga akan datang sendiri ke MUIPP untuk mengeluarkan zakat mereka.

Kedua-dua jenis zakat harta ini dipungut setahun sekali. Walau bagaimanapun kutipan bagi zakat tanaman, ternakan dan emas serta perak belum lagi dijalankan oleh MUIPP. Merujuk kepada zakat tanaman, ianya tidak dapat dijalankan kutipan kerana tiadanya padi dan jagung disebabkan tanah rang. Mengenai zakat ternakan dan emas, pengkaji tidak mendapat penjelasan yang memuaskan.

Kutipan zakat harta telah dijalankan mulai tahun 1983. Sejak dari itu pendapatan hasil dari zakat harta ini telah bertambah. Penyata kutipan zakat harta adalah seperti yang dinyatakan di bawah.

Jadual 10.

Penyata kutipan zakat harta dari tahun 1978 - 1986.

Tahun	Jumlah kutipan zakat
1978	\$17,378.93
1979	\$19,075.90
1980	\$96,399.60
1981	\$82,593.55
1982	\$38,070.06
1983	\$60,832.11
1984	\$307,617.40
1985	\$184,826.40
1986	\$317,600.11
Jumlah	\$1,124,394.06

Sumber : Butiran pendapatan kira-kira zakat dan fitrah Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai.

Daripada jadual di atas dapat diperhatikan bahawa kutipan zakat harta telah bertambah dari setahun ke setahun. Walaupun kutipan zakat harta telah hanya dikuat kuasakan sejak 1983, namun sebelum itu terdapat orang-orang perseorangan-

an yang telah mengeluarkan zakat mereka. Ini menunjukkan bahawa telah ada kesedaran di kalangan orang-orang ~~perseorangan~~ yang terlibat untuk mengeluarkan zakat mereka.

Dari penyelidikan pengkaji, didapati setakat ini belum terdapat lagi kes di kalangan orang-orang Islam apabila dihantarkan borang mereka enggan membayar zakatnya. Kalau adapun, pihak MUIPP akan tetap menghantar borang tersebut berserta dengan nasihat dan galakan-galakan agar mereka sedar akan tanggungjawab sebagai seorang Islam.

Berbagai usaha telah dijalankan oleh MUIPP untuk meningkatkan pengutipan zakat harta ini bagi faedah orang-orang Islam di Pulau Pinang. Misalnya MUIPP telah menyediakan segala borang yang berkaitan dengan pengutipan dan risalah panduan zakat.

Seperkara yang diperhatikan dalam hal pengutipan zakat harta ini ialah pengutipannya tidak diserahkan kepada amil. Keadaan ini berlaku kerana kekhawatiran dari pihak MUIPP iaitu bimbang berlakunya penyelewengan oleh amil-amil. Walaupun perkara ini belum pernah berlaku, namun pengalaman oleh negeri-negeri lain menjadi pengajaran kepada MUIPP. Pengajaran ini didapati kerana perkara-perkara seperti ini sering dibincangkan oleh Majlis Kebangsaan Agama.<sup>1</sup>

1. Temuramah dengan En. Rosley b. Din, kerani zakat di MUIPP pada 9 hb. Jun 1987.

#### 4.2.2. Pungutan fitrah.

Pada keseluruhannya kutipan fitrah diserahkan kepada ketua-ketua amil di setiap kariah masjid yang ada di Pulau Pinang. Amil-amil inilah yang bertanggungjawab menguruskan segala kutipan fitrah bagi kariah masing-masing. Setiap kariah mempunyai beberapa orang amil dan bilangannya adalah bergantung kepada luas kawasan dan jumlah orang-orang Islam dalam kariah tersebut. Di Kampung Sungai Duri iaitu tempat kajian pengkaji, terdapat 8 orang amil termasuk ketua amil. Mereka inilah yang bertanggungjawab mengutip zakat bagi 1345 orang penduduk di sini. Seorang amil bertanggungjawab mengutip bagi lebih kurang 30 buah rumah.<sup>2</sup> Amil-amil sebenarnya dipilih oleh Jawatankuasa Kariah yang kemudian-nya akan disahkan oleh MUIPP.

Kutipan fitrah dijalankan setahun sekali iaitu bermula-nya Ramadhan sehingga di pagi sebelum sembahyang Hari Raya. Aidil Fitri. Walau bagaimanapun sebahagian besar dari umat Islam di sini lebih cenderung untuk mengeluarkan fitrah pada malam Hari Raya. Mereka akan datang sendiri ke rumah amil-amil yang berdekatan dengan rumah mereka untuk mengeluarkan fitrah. Setiap pengeluar fitrah akan menerima resit pembayaran dari amil. Resit-resit sebenarnya dibekalkan oleh MUIPP kepada setiap kariah. Resit-resit ini berguna kepada semua pihak kerana selain dari mengesahkan pembayaran, ia juga

2. Temuramah dengan En. Hassan b. Ismail, Ketua amil bagi Kampung Sungai Duri, Seb. Perai Selatan pada 20 hb. Jun 1987.

dapat mengelakkan penyelewengan dari amil-amil. Ini kerana MUIPP akan memberi sejumlah resit dan akan menghitungnya kembali apabila wang kutipan fitrah diserahkan oleh amil kepada MUIPP. Bagi pihak pengeluar fitrah pula, ia berguna kerana ia menjadi bukti untuk mereka mengelakkan pembayaran cukai pendapatan.

Ketua amil akan menyerahkan wang kutipan fitrah kepada pihak MUIPP setelah ditolak bahagian untuk fakir miskin dan amil-amil. Ada sebahagian amil-amil yang berdekatan dengan pejabat MUIPP datang sendiri menyerahkannya kepada kerani di MUIPP. Walau bagaimanapun bagi tempat-tempat yang agak jauh, maka kedua-dua orang kerani zakat akan pergi ke daerah-daerah di Pulau Pinang ini untuk memungutnya. Semasa pengkaji membuat kajian, kedua orang kerani zakat ini telah datang memungut wang fitrah di daerah Nibong Tebal yang berpusat di Pejabat Kadhi Sungai Jawi di pertengahan bulan Jun 1987. Biasanya mereka pergi ke satu-satu daerah selam dua hari berturut-turut selepas sahaja Hari Raya Puasa.

Kutipan fitrah telah dilaksanakan sejak tahun 1965. Harga fitrah yang telah ditetapkan adalah berubah mengikut turun naiknya harga beras. Ini dapat dilihat dalam jadual seperti di sebelah.

Jadual 11

Penyata kutipan fitrah mengikut perubahan  
harga beras 1965 - 1982.

Tahun	Harga fitrah
1965	\$1.00
1968	\$1.20
1971	\$1.50
1974	\$1.70
1977	\$1.70
1980	\$2.00
1982	\$2.00 <sup>3</sup>

Sumber : Taklimat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong pada 27 hb. Jan 1983, MUIPP.

Walau bagaimanapun sejak tahun 1982 hingga tahun 1987 setiap orang Islam di Pulau Pinang dikenakan \$2.00 bersamaan  $2\frac{1}{2}$  cupak beras sukat Malaysia sebagai bayaran fitrah. Semenjak dilaksanakan sehingga ke tahun 1986, hasil dari kutipan fitrah adalah meningkat. Ini dapat dilihat dalam jadual seperti di bawah.

Jadual 12

Penyata kutipan fitrah dari 1978 - 1986.

Tahun	Kutipan fitrah
1978	\$373,583.20

1979	\$408,709.80
1980	\$474,734.00
1981	\$488,262.00
1982	\$509,286.00
1983	\$528,616.00
1984	\$544,666.00
1985	\$565,347.24
1986	\$576,129.12
<hr/>	
Jumlah	\$4,469,333.36

Sumber : Butiran pendapatan kira-kira zakat dan fitrah MUIPP.

Walaupun kutipan fitrah merupakan sumber zakat yang utama bagi MUIPP jika dibandingkan dengan kutipan zakat harta, namun terdapat juga kalangan yang enggan mengeluarkan fitrah ataupun yang mengeluarkan fitrah mereka kepada orang-orang tertentu seperti guru agama, saudara-mara dan lain-lain yang bukan amil. Dari penyelidikan, keseluruhan amil yang ditemuramah oleh pengkaji mengakui bahawa ada di kalangan orang Islam di kariah mereka yang enggan membayar fitrah ataupun mengeluarkannya kepada orang lain yang selain daripada amil.

Walaupun dalam peraturan pungutan zakat dan fitrah negeri Pulau Pinang 1979 menyatakan sesiapa yang tidak mahu atau enggan membayar zakat fitrah yang diwajibkan ia membayar di bawah peraturan-peraturan ini hendaklah disifatkan

ia telah melakuk<sup>n</sup>an satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 164 (1) dalam undang-undang itu. Namun setakat ini pada kenyataannya tiada sebarang tindakan dikenakan kepada orang-orang tersebut. Semua pihak mengambil sikap "tiada paksaan dalam agama". Lagipun amil-amil yang mengetahui perkara-perkara ini enggan melapurkan kepada MUIPP dan kalaupun mereka berbuat demikian, pihak MUIPP masih gagal untuk membuat dakwaan kerana keengganan mereka menjadi saksi dan membuat lapuran secara rasmi. Ini kerana perkara-perkara begini akan menyusahkan mereka di samping untuk mengelakkan berlakunya "masam muka" dengan orang-orang yang terlibat kerana memang menjadi dasar tiap-tiap orang yang tinggal dalam satu kampung untuk menjaga tali persahabatan dan perhubungan saudara-mara.

Dari penyelidikan pengkaji didapati bilangan orang Islam yang enggan membayar fitrah atau membayar kepada yang selain dari amil adalah agak besar. Ini kerana kebanyak<sup>n</sup>an yang berlaku ialah seseorang ketua keluarga hanya mengeluarkan sebahagian dari fitrah anggota keluarganya kepada amil dan sebahagiannya lagi kepada guru agama, orang perseorangan dan sebagainya. Contohnya dapat dilihat dari kajian di Kampung Sungai Duri.

Jumlah orang Islam di Sungai Duri ----- 1345 orang.

Jumlah kutipan fitrah ----- \$2324.00.

Jumlah kutipan yang sepatutnya ----- 1345 x \$2

= \$2690.00

----- \$2690 - \$2324

= \$346.00.

Bilangan yang tidak membayar fitrah ----- \$346 - \$2

$$= 173 \text{ orang.}$$

Bilangan fakir miskin yang mendapat fitrah dan diandaikan mereka tidak membayar fitrah ----- 60 orang.

Maka bilangan sebenar tidak membayar

fitrah ----- 173 - 60

$$= 113 \text{ orang}$$

$$= 8.4\%$$

### •3. CARA-CARA PEMBAHAGIAN.

Islam telah menentukan bahawa terdapat 8 asnaf yang berhak menerima zakat dan hal ini telah dibincangkan dengan terperinci di bab yang lalu. Demikian juga dengan MUIPP yang menetapkan 8 asnaf ini sebagai penerima zakat. Namun begitu MUIPP menentukan cara-cara pembahagiannya sendiri dan menentukan orang-orang yang berhak menerima zakat berlandaskan asas-asas yang telah ditetapkan oleh Islam.

#### 4.3.1. Habuan amil-amil.

Jawatankuasa Negeri telah menetapkan supaya 1/8 daripada kutipan di kariah-kariah diberi kepada amil-amil. Pembahagian ini bergantung kepada jumlah kutipan yang berjaya dikutip oleh amil bagi sesuatu kariah. Amil ini hanya mendapat bahagiannya dari kutipan fitrah sahaja kerana mereka tidak bertugas mengutip zakat harta. Cara pembahagian adalah seperti yang ditunjukkan di sebelah.

1/8 x jumlah kutipan fitrah kariah

jumlah amil

1/8 x \$2324

7

= \$41.50.<sup>3</sup>

Jadi setiap amil di kariah Sungai Duri mendapat \$41.50 seorang bagi tahun 1986. Manakala bagi tahun 1987 setiap amil di Sungai Duri mendapat lebih kurang \$44.00 kerana jumlah kutipan yang bertambah dari \$2324.00 pada 1986 kepada \$2466.00 pada 1987. Di setiap kariah, ada seorang ketua amil yang bertugas mengumpulkan semua kutipan daripada amil-amil dan membahagikan antara mereka 1/8 daripada kutipan di kariah itu. Setelah ditolak 2/8 iaitu bahagian fakir miskin, ketua amil akan menyerahkan baki 5/8 kepada MUIPP. Dengan itu ketua amil akan menerima 3% daripada jumlah kutipan itu. Ini adalah sebagai hadiah di atas susah payah mereka menguruskan zakat fitrah. Ketua amil akan hanya mendapat bayaran mereka apabila kerani zakat datang ke daerah-daerah mereka untuk memungut hasil zakat yang telah dikumpulkan.

#### 4.3.2. Habuan fakir miskin.

Fakir ialah orang yang tiada harta dan tiada perusahaan yang membawa erti bahawa mereka tidak punya apa-apa untuk

3. Data dari penyata kutipan fitrah di Kampung Sungai Duri.

diri mereka sendiri. Diibaratkan mereka sebagai "kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang". Miskin ertinya orang yang ada harta atau perusahaan yang mencukupi sekadar 50% bagi dirinya dan keluarganya. Walaupun makna fakir dan miskin itu dapat dibezakan, namun Jawatankuasa negeri di MUIPP merasakan adalah lebih mudah jika digabungkan kedua-dua asnaf ini. Oleh itu masing-masing fakir dan miskin mendapat 2/8 dari kutipan kariah dan 2/8 dari kutipan bagi seluruh negeri Pulau Pinang dari kutipan zakat harta. Cara pembahagiannya adalah seperti di bawah.

a) Dari kutipan fitrah

$\frac{2/8 \times \text{jumlah kutipan fitrah kariah}}{\text{jumlah fakir miskin kariah}}$

jumlah fakir miskin kariah.

$\frac{2/8 \times \$2466}{60}$

= \$10.25.

Bagi kutipan fitrah tahun 1987, setiap fakir miskin di Kampung Sungai Duri mendapat \$10.25 seorang. Biasanya bayaran dibuat pada atau sebelum Hari Raya oleh Lembaga Kariah. Sebelum itu fakir miskin akan diberi bayaran pendahuluan isitu sebanyak 10% daripada pendapatan tahun sebelumnya. Biasanya bayaran ini diberikan di awal puasa kerana fitrah kebanyakannya hanya dikeluarkan setelah hampir Hari Raya ataupun di pagi Hari Raya. Oleh itu fakir miskin hanya mendapat fitrah sepenuhnya di malam atau pagi Hari Raya di mana asil akan datang sendiri ke rumah untuk menyerahkannya.

ke MUIPP untuk membuat pengaduan.

Walau bagaimanapun setakat ini pihak MUIPP belum pernah mengeluarkan wang dari asnaf ini untuk membantu pelajar-pelajar yang tidak mampu membiayai pelajaran mereka. Namun begitu bantuan kepada pelajar-pelajar begini ada dikeluarkan tetapi ia diletakkan di bawah perbelanjaan yang lain-lain, bukan termasuk di bawah asnaf yang lapan.<sup>5</sup> Perkara ini akan dibincangkan secara terperinci selanjutnya.

#### 4.3.4. Gharimin.

Wang dari asnaf ini dibelanjakan untuk mengkebumikan mayat dagang atau menjelaskan hutang mereka disebabkan menunaikan fardhu kifayah ke atas mayat-mayat orang Islam yang tidak berwaris. Dalam hal ini MUIPP sering berhubung dengan pihak hospital di mana setelah pihak hospital menguruskan pengkebumian mayat dagang ini maka barulah MUIPP dihubungi untuk mendapatkan balik sejumlah wang yang telah dibelanjakan untuk pengkebumian itu.

#### 4.3.5. Firrikhab.

Setakat ini Jawatankuasa Zakat dan Fitrah Negeri belum menerima apa-apa permohonan dari asnaf ini.

#### 4.3.6. Fisabilillah.

Disebabkan asnaf ini mempunyai makna yang luas maka Majlis telah membayar saguhati kepada mereka yang berkhidmat

5. Mengikut hukum syarak, pelajar-pelajar yang tidak mampu terletak di bawah asnaf ini.

secara sukarela di kariah-kariah seperti yang dinyatakan di bawah.

- a) Saguhati pegawai-pegawai masjid.
- b) Siaran dan Dakwah.
- c) Saguhati kepada Guru Agama dan Quran.
- d) Sekolah Ugama Rakyat.
- e) Bantuan perayaan-perayaan ugama.
- f) Saguhati kepada Naib-naib Kadhi.

Sebenarnya fisabilillah ini merangkumi semua kegiatan yang bertujuan meninggikan syiar Islam. Jadi MUIPP memberikan saguhati kepada orang-orang yang terlibat dalam kegiatan begini sebagai galakan terhadap mereka. Pada tahun 1986, sebanyak \$279,377.00 dikeluarkan untuk golongan fisabilillah ini berbanding dengan asnaf yang lain yang menerima jumlah yang lebih kecil. Ini menunjukkan bahawa MUIPP lebih mementingkan kepada usaha-usaha meninggikan syiar Islam seperti mengeluarkan risalah-risalah ugama, kelas-kelas agama dan lain-lain. Ada yang mendapat bayaran setiap bulan dan ada yang mendapat setahun sekali.

#### **4.3.7. Muallaf.**

Setiap Muallaf akan diberikan \$150.00 apabila sah diri mereka sebagai seorang Islam. Walau bagaimanapun mereka tidak diberikan \$150.00 sekaligus sebaliknya dibayar sebanyak tiga kali iaitu tiap-tiap kali sebanyak \$50.00. Mereka akan hanya dibayar apabila mereka berjaya menjawab soalan-soalan mengenai agama Islam. Ini adalah sebagai

langkah menggalakkan mereka lebih mendalami ajaran-ajaran di dalam Islam.

#### 4.3.8. Lain-lain bantuan.

Di samping bayaran yang dikeluarkan untuk lapan asnaf yang telah ditetapkan oleh syarak, bantuan juga dikeluarkan untuk calon-calon peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia, bantuan untuk membaiki masjid dan surau dan sumbangan sebanyak 20% kepada Tabung Pentadbiran.

MUIPP telah menetapkan bahawa bantuan kepada pelajar-pelajar yang tidak mampu adalah dikeluarkan daripada bahagian ini dalam bentuk yuran peperiksaan. Bayaran yang dikeluarkan untuk calon-calon yang mengambil peperiksaan SRP, SPM dan STPM adalah seperti yang dinyatakan di bawah.

STPM ----- \$150.00 x 100 murid.

SPM ----- \$100.00 x 150 murid.

SRP ----- \$15.00 x 335 murid.

Jumlah pemberian yuran peperiksaan ----- \$34,230.00.

Pelajar-pelajar yang dipilih untuk mendapatkan bantuan ini adalah terdiri dari pelajar-pelajar miskin. Cara pemilihan dibuat dengan menghantarkan borang-borang ke sekolah-sekolah di mana data-data dari borang itulah yang dijadikan sandaran bagi pemilihan seseorang pelajar yang layak.

Daripada hasil kutipan zakat fitrah, juga dikeluarkan

20% darinya untuk dimasukkan ke dalam tabung pentadbiran. Tabung pentadbiran ini penting kerana dari tabung inilah wang dikeluarkan bagi membayar gaji pekerja-pekerja di MUIPP. Ini kerana MUIPP adalah sebuah badan berkanun dan tidak mendapat sebarang bantuan dari kerajaan negeri. Tabung pentadbiran terdiri daripada pengumpulan hasil dari Zakat fitrah, Wakaf dan Baitulmal. Walaupun pihak di MUIPP menyedari bahawa mengambil gaji dari kutipan zakat dan fitrah adalah haram dari segi syarak, namun ianya terpaksa juga dilakukan kerana tiada cara lain yang lebih baik dan keadaan ini dianggap sebagai darurat.

4.4. MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI DALAM PERLAKSANAAN ZAKAT DAN FITRAH DI MUIPP.

Sudah menjadi sifat semulajadi manusia tidak sempurna dalam segala hal. Ketidaksempurnaan ini menjadikan manusia sering menghadapi masalah-masalah di dalam segala hal. Dalam hal ini, bahagian pentadbiran zakat dan fitrah MUIPP juga tidak terkecuali dalam menghadapi berbagai masalah.

Sesuai dengan tugasnya menguruskan hal-hal zakat dan fitrah, maka bahagian zakat dan fitrah MUIPP banyak berhubung dengan masyarakat. Agak sukar juga bagi bahagian zakat dan fitrah MUIPP ini untuk meyakinkan dan meninggikan kesedaran di kalangan orang ramai betapa pentingnya zakat dan amalan bagi rukun itu sendiri. Dalam usaha dan cita-cita MUIPP untuk meninggikan pengutipan zakat fitrah di negeri ini namun masih terdapat sebilangan besar golongan yang enggan

membayar zakat fitrah sedangkan banyak usaha yang telah dilakukan iaitu dengan mengeluarkan risalah-risalah agama, mengirimkan guru-guru agama ke daerah-daerah tertentu, mengadakan ceramah di pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain usaha yang menelan belanja yang agak besar.

Di samping itu, kuasa hukuman bagi menghukum golongan yang enggan membayar zakat adalah terlalu rendah. Tambahan pula MUIPP tidak mendapat kerjasama yang sepenuhnya dari amil-amil yang dilantik bagi tiap-tiap kariah. Golongan ini enggan melapurkan dan memberikan nama orang-orang yang engkar secara rasmi. Kalau adapun, segala pengaduan itu ibarat perbualan kosong sahaja kerana mereka akan menolak jika diminta menjadi saksi perbicaraan dengan alasan-alasan mereka sendiri. Dengan itu MUIPP sendiri tidak dapat berbuat apa-apa memandangkan kuasa yang ada pada mereka adalah terhad. Semasa kutipan fitrah dimulakan, orang-orang yang engkar akan dijemput ke pejabat MUIPP untuk memberi penjelasan, sekiranya cara ini tidak berjaya mereka akan dihadapkan ke mahkamah. Pada masa itu terdapat 25 orang yang sedemikian dan mereka didakwa. Namun sejak akhir-akhir ini MUIPP tidak lagi bertindak sedemikian.

Masalah yang paling ketara dihadapi oleh pentadbiran zakat fitrah ini ialah kekurangan pegawai yang bertugas. Walaupun pada dasarnya 5 orang yang ditugaskan di bahagian zakat dan fitrah ini iaitu seorang Yang Di Pertua, seorang Setiausaha, seorang Pegawai Zakat dan dua orang Kerani Zakat namun kenyataannya yang bertugas di bahagian ini hanya 4

orang sahaja. Semasa penyelidikan dijalankan, tempat Pegawai Zakat dikosongkan kerana keadaan ekonomi yang meleset dan tindakan kerajaan membekukan pengambilan pekerja baru. Oleh itu tempat Pegawai Zakat ini dipangku oleh seorang kerani zakat di mana beliau terpaksa menjalankan dua kerja dalam satu masa.

Oleh kerana kekurangan pekerja, urusan di pejabat sering terganggu kerana dua orang kerani zakat ini terpaksa keluar ke daerah-daerah yang ditetapkan untuk mengutip zakat dan fitrah. Walaupun jangkamasa mereka tiada di pejabat tidak terlalu panjang cuma semasa kutipan fitrah, namun ini sekurang-kurangnya memberi masalah kepada orang ramai yang ingin berhubung dengan pihak mereka.

Undang-undang zakat yang telah dirangkakan masih belum lengkap. Ini menimbulkan banyak masalah pada bahagian zakat dan fitrah ini untuk bertindak di dalam sesuatu hal. Di samping itu cara pengutipan zakat tidak seragam antara negeri-negeri di Malaysia. Ini menyukarkan MUIPP menguruskan pengutipan kerana keadaan yang begini mengelirukan orang ramai.

#### 4.5. KELEMAHAN DAN KEJAYAAN YANG DIJALANKAN.

Setelah hampir 30 tahun MUIPP ditubuhkan, telah banyak kejayaan yang dicapainya melalui bahagian zakat dan fitrah. Namun tidak dapat dinafikan setiap sesuatu yang dilakukan walaupun telah mencapai kejayaan tetapi kelemahan pasti tidak dapat dielakkan. Kelemahan dan kejayaan yang dicapai oleh MUIPP banyak bergantung kepada corak pentadbirannya.

##### 4.5.1. Dari segi pentadbiran.

Sejak kutipan fitrah dilancarkan pada 1965 dan kutipan zakat harta 1983, hasil yang didapati oleh MUIPP dari kutipan ini adalah meningkat dari setahun ke setahun.<sup>5</sup> Ini berkait rapat dengan pentadbiran yang baik dari bahagian zakat dan fitrah di MUIPP. Walaupun bahagian ini mengalami kekurangan kakitangan, namun dengan usaha yang dijalankan maka mereka berjaya meningkatkan pendapatan dari semasa ke semasa. Pada tahun 1986, bahagian ini berjaya memperolehi pendapatan sebanyak \$932,386.94 berbanding dengan \$172,422.96 pada tahun 1965 iaitu semasa kutipan fitrah mula dilancarkan.<sup>6</sup> Dalam jangkamasa 20 tahun, bahagian ini berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak 18.5%.

Peningkatan ini berlaku kerana pihak pentadbiran zakat

5. Taklimat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang Di Pertuan Agong pada 27 hb. Jan 1983, m/s ; 21.

6. Butiran pendapatan kira-kira zakat dan fitrah 1986, MUIPP.

fitrah ini menambahkan lagi kegiatan mereka selain dari hanya mengharapkan hasil dari kutipan zakat dan fitrah. Hasil-hasil ini dikenali sebagai "hasil bukan cukai" iaitu

- 1) Sewa tanah, bendang dan rumah.
- 2) Pelbagai penerimaan (iklan majalah).
- 3) Kelas bimbingan.
- 4) Majalah.
- 5) Dividen dari bank Islam.

Dalam hal ini, hasil dari zakat fitrah dapat disifatkan sebagai modal untuk menjalankan kegiatan lain. Modal-modal ini didapati dari lebihan hasil yang diperuntukkan kepada lapan asnaf yang telah ditetapkan. Misalnya bayaran untuk asnaf firrikhah tidak dikeluarkan, jadi wang itu dapat digunakan untuk perkara lain seperti membeli rumah dan kemudian menyewakannya kepada orang Islam dengan harga yang berpatutan. Dengan cara ini orang ramai dapat menggunakan atau merasa hasil dari kutipan zakat fitrah ini. Setakat ini harta-harta zakat dan fitrah adalah seperti yang dinyatakan di bawah.

Jadual 13.

Harta-harta zakat dan fitrah.

Bil.	Lot	MK	Daerah	Luas	Kegunaan	Hasil purata
1	2581	7	SPU	23a0r15p	Bendang	\$1168.85
2	439	E	BD	25a0r30p	Bendang	\$1000 semusim
3	1830	10	SPS	6a0r11p	Bendang	\$450 semusim

4	202	11	SPU	1a1r26p	Bendang	}	\$350 <i>semusim</i>
5	2706	11	SPU	1a0r19p	Bendang		
6	-	-	-	-	2 tingkat rumah berkembar.	\$6000 <i>setahun</i>	
					(250 x 2 rumah x 12 bulan)		
					(di atas tanah wakaf)		
7	Pelabur-	-	-	-	-	\$795,000.00	
	an BIMB						
8	Simpa-	-	-	-	-	\$200,000.00	
	nan						
	tetap						

Dengan adanya harta-harta yang dimiliki oleh MUIPP maka kemungkinan untuk majlis ini menambahkan pendapatan dari semasa ke semasa adalah besar.

Walau bagaimanapun di samping kejayaan yang dicapainya, Bahagian zakat dan fitrah MUIPP juga tidak terlepas dari kelemahan dan kegagalan. Keadaan ini amat ketara dari segi pemilihan orang-orang yang berhak mendapat zakat. Walaupun pada dasarnya dinyatakan bahawa bincian dijalankan pada tiap-tiap tahun untuk mengetahui jumlah orang Islam dan jumlah orang yang membayar dan tidak membayar fitrah di samping lain-lain maklumat seperti orang yang layak menerima zakat dan sebagainya. Namun pada hakikatnya, MUIPP menyerahkan segalanya kepada amil misalnya dalam pemilihan fakir miskin sedangkan amil juga tidak menjalankan bincian.

hanya mendapat cadangan dari Jawatankuasa Kariah dan setelah disiasat seadanya maka akan diputuskan sama ada layak atau sebaliknya. Keadaan ini menyebabkan ada orang yang tidak layak menerima zakat tetapi menerimanya kerana hubungannya dengan amil. Dari perbualan pengkaji dengan seorang amil, didapati terdapat seorang guru Quran wanita yang mendapat zakat sedangkan ia bukan tergolong dalam golongan fakir miskin dan suaminya adalah salah seorang amil di kampung tersebut. Bila ditanya kenapa perkara ini berlaku, amil tersebut tidak dapat memberikan jawaban yang tepat.<sup>8</sup>

Itu hanyalah salah satu contoh penyelewengan yang dapat pengkaji kupaskan sebagai akibat dari kelemahan dalam pentadbiran oleh MUIPP. Sekiranya bancian benar-benar dijalankan, kemungkinan besar perkara ini dapat dielakkan kerana jika bancian dilakukan oleh pekerja dari MUIPP sendiri maka perasaan persaudaraan tidak akan mempengaruhi cara pemilihan. Dengan ini golongan yang menerima zakat dapat dikurangkan di mana yang menerima itu adalah golongan yang benar-benar berhak menerimanya. Dengan ini jumlah wang yang didapati mungkin akan bertambah kerana dari kutipan fitrah tahun 1987, setiap fakir miskin hanya mendapat

---

8. Sehingga kini perkara begini masih menjadi tanda tanya di kalangan orang ramai sama ada guru agama benar-benar berhak atau tidak mendapat wang zakat dari bahagian fakir miskin.

\$10.25 bagi kariah Sungai Duri. Sekiranya difikir secara logik jumlah ini tentulah tidak mencukupi memandangkan taraf hidup yang semakin tinggi sekarang. Sekiranya perkara ini terus berlaku mustahil MUIPP dapat mencapai matlamatnya membantu golongan miskin.

#### 4.5.2. Dari segi pemungutan.

Sehingga pengkaji membuat kajian di MUIPP, didapati pungutan zakat dan fitrah semakin meningkat dari setahun ke setahun. Walaupun bilangan pekerja yang bertugas di bahagian zakat dan fitrah di MUIPP begitu kecil jika dibandingkan dengan tugasnya yang mentadbirkan segala hal mengenai zakat fitrah di seluruh negeri Pulau Pinang, namun jika diteliti maka akan terserlah bahawa bahagian ini telah membawa banyak kejayaan kepada MUIPP ekoran dari usaha-usaha yang dijalankannya.

Kutipan zakat telah dilancarkan pada tahun 1983, namun begitu sejak tahun 1978 lagi telah ada golongan yang mengeluarkan zakat mereka. Semenjak ia dilancarkan hasil kutipan semakin meningkat. Peningkatannya begitu ketara sejak awal tahun pelancarannya iaitu MUIPP hanya berjaya mengutip \$60,832.11 pada tahun 1983 dan meningkat kepada \$307,617.03 pada tahun 1984. Ini menunjukkan betapa MUIPP berjaya meningkatkan hasilnya dalam jangkamasa setahun. Namun begitu keadaan ini tidak berterusan di mana pada tahun 1985 hasil zakat telah menurun kepada \$184,826.40. Jumlah yang turun ini bukanlah sedikit.

orang ramai. Ini kerana MUIPP merupakan satu badan yang bertanggungjawab ke arah meninggikan taraf orang-orang Islam di Pulau Pinang. Untuk mencapai tujuan-tujuan ini kelemahan-kelemahan dalam pentadbiran zakat dan fitrah haruslah dikupas.

Kelemahan yang paling ketara dapat diperhatikan ialah dari segi pengutipan zakat harta. Semasa pengutipan zakat harta dilancarkan, dijangka MUIPP akan dapat mengutip sekurang-kurangnya \$500,000.00 terutamanya dari zakat perniagaan. Namun sehingga kini MUIPP belum lagi berjaya mencapai matlamat ini setelah hampir empat tahun ia beroperasi. Ini kesungkinan besar kerana MUIPP tidak memungut sepenuhnya zakat harta. Seperti yang telah dinyatakan sebelumnya, hanya dua jenis zakat harta yang dipungut sedangkan zakat tanaman, emas dan perak serta binatang ternakan tidak dipungut zakatnya dengan alasan-alasan mereka sendiri. Zakat tanaman tidak dipungut kerana kebanyakannya tanah di negeri Pulau Pinang merupakan tanah rang. Walaupun bagaimanapun sekiranya tanah-tanah ini diusahaikan dengan bantuan pengairan dan sebagainya, kemungkinan besar tanah-tanah ini akan mendatangkan hasil. Perkara begini sebenarnya bukanlah merupakan kelemahan MUIPP sebaliknya ia lebih merupakan masalah yang harus diperhatikan oleh kerajaan negeri dan orang perseorangan.

Walaupun berbagai usaha dijalankan untuk meninggikan kutipan fitrah, namun masih juga wujud golongan yang enggan menunaikan tanggungjawab membayar fitrah. Namun hingga

saat pengkaji menjalankan penyelidikan, tiada sebarang tindakan yang dikenakan ke atas golongan yang begini. Sebenarnya keadaan ini berlaku kerana sikap MUIPP sendiri yang mengambil mudah tanggungjawab membayar zakat. Di samping itu sikap yang diambil iaitu sikap "tiada paksaan dalam agama" seharusnya dikikis kerana undang-undang yang dijalankan bukanlah undang-undang manusia tetapi merupakan undang-undang daripada Allah (swt). Jadi dalam menjalankan satu-satu tindakan, undang-undang yang diikuti hendaklah berasaskan dari suruhan agama. Jadi undang-undang yang diperuntukkan haruslah bersikap lebih tegas terhadap golongan yang enggan membayar zakat.

MUIPP tidak bersikap tegas terhadap amil-amil bagi membuang sifat pilih kasih dalam mengemukakan satu-satu pengaduan serta mengenepikan kepentingan diri. Kalau dilihat pada sejarah, Saidina Abu Bakar sendiri sanggup memerangi golongan yang engkar kerana pentingnya zakat dalam Islam yang merupakan salah satu dari rukun yang lima. Dalam hadis Rasulallah (saw) yang diriwayatkan oleh Al-Baihaqi dengan sanad yang sahih ada menyebutkan:

"apabila pemerintah (raja) sudah ada menjalankan pungutan zakat, maka rakyat (yang berugama Islam) adalah wajib mentaatinya."<sup>9</sup>

9. Zakat sudahkah kita tunaikan?, Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai, siri penerangan, Bil: 1/1405.

## BAB 5

### KESIMPULAN.

Meneliti keseluruhan aspek MUIPP seperti apa yang dinyatakan dalam penulisan ini pada umumnya pengkaji dapat memberikan kesimpulan bahawa peranan MUIPP sebagai pembahagi dan pemungut zakat dan fitrah adalah kurang berjaya. Ini adalah kerana pertama, pentadbiran oleh pihak MUIPP kurang sempurna. Ini mungkin disebabkan oleh masalah kekurangan kakitangan untuk menjalankan tugas-tugas yang diperlukan.

Kedua, akibat dari kelemahan pentadbiran, maka pengutipan zakat dan fitrah juga tidak dapat berjalan dengan sempurna. Pengutipan untuk zakat harta benda tidak begitu memuaskan jika dibandingkan dengan pendapatan bagi penduduk di Pulau Pinang. Bagi kutipan fitrah, masih terdapat ramai lagi kalangan yang tidak membayar fitrah.

Ketiga, batasan kemiskinan yang dibuat oleh MUIPP tidak begitu jelas. Ini menyebabkan golongan yang tidak layak juga menerima zakat sedangkan golongan yang sepatutnya menerima zakat menerimanya dalam jumlah yang lebih kecil. Ini dapat diperhatikan oleh pengkaji di mana ada golongan yang menerima zakat mendapat bantuan bulanan dari anak-anak dan keluarga mereka walaupun pada hakikatnya mereka adalah balu yang kematian suami. Bagi golongan yang benar-benar berhak menerimanya, pengkaji dapati setiap fakir miskin mendapat kurang daripada \$20.00 untuk setahun. Ini

berdasarkan kajian pengkaji di lima kariah masjid. Jika difikirkan secara waras tentunya jumlah ini tidak mencukupi bagi perbelanjaan seminggu apatah lagi untuk setahun.

Keempat, MUIPP kurang mendedahkan peranannya kepada masyarakat umum terutamanya masyarakat luar bandar. Kebanyakkan responden yang ditemui tidak mengetahui apakah peranan MUIPP dalam tugas-tugas mengutip dan membahagikan zakat dan fitrah. Ini secara tidak langsung memberikan kesan yang kurang baik di mana ramai di kalangan penduduk kampung tidak menyerahkan fitrah kepada amil kerana tidak yakin dengan kerajaan. Mereka sebaliknya lebih suka menyerahkan sendiri kepada guru-guru agama, saudara mara dan sebagainya.

#### 5.1. RUMUSAN

Nampaknya daripada apa yang menjadi kenyataan seperti di dalam bab-bab dua, tiga dan empat, dapatlah dibuat rumusan bahawa peranan MUIPP sebagai badan yang dapat membantu masyarakat Islam di Pulau Pinang adalah agak kurang berkesan. Ini adalah kerana sebab-sebab yang telah dibincangkan sebelumnya.

Kebanyakkan hasil yang didapati dari pungutan zakat hanya dirasai oleh segolongan tertentu sahaja seperti golongan amil, pekerja-pekerja masjid dan sebagainya. Bagi golongan fakir miskin, sumbangan untuk mereka terlalu kecil jika dibandingkan dengan keperluan sehari-hari mereka.

Lagipun MUIPP kurang menekankan kepada wajibnya pembayaran zakat dan fitrah oleh orang Islam kerana tiadanya usaha-usaha menghukum golongan-golongan yang engkar akan perintah Allah. Oleh itu pengkaji akan cuba memberikan saranan dan syor-syor yang diharapkan dapat secara langsung atau tidak langsung memberikan manfaat kepada semua pihak terutama pihak MUIPP dalam menjalankan peranan dan tanggungjawab mereka.

#### 5.2. SARANAN.

Mengenai saranan, pengkaji membahagikan kepada dua bahagian iaitu untuk meninggikan jumlah kutipan zakat dan fitrah dan yang kedua untuk melicinkan pembahagian hasil zakat dan fitrah kepada golongan yang berhak menerimanya.

##### 5.2.1. Meninggikan jumlah kutipan.

- i) Pihak MUIPP seharusnya bertindak tegas terhadap golongan yang enggan menunaikan kewajiban berzakat terutamanya kewajiban fitrah. Alasan tidak mampu tidak timbul kerana fitrah adalah zakat badan yang dikenakan ke atas seseorang bukan ke atas kekayaannya. Ia adalah wajib bagi semua orang Islam sama ada mereka bebas atau hamba, lelaki atau perempuan, miskin atau kaya. Yang miskin wajib membayarnya sekiranya dia mempunyai lebih dari secukup makan untuk sehari semalam , untuk dirinya dan anggota keluarganya pada Hari

Raya Aidil Fitri.<sup>1</sup>

- ii) MUIPP juga perlu mempertingkatkan usaha untuk memberikan penerangan dan ceramah-ceramah mengenai peranan MUIPP dalam pentadbiran zakat dan juga tentang kepentingan zakat itu sendiri. Ini kerana kebanyakan dari umat Islam belum begitu terdedah dengan MUIPP dan menganggap pihak pentadbiran MUIPP tidak dapat menjalankan tugas dengan sempurna.
- iii) Pihak amil juga harus didesak agar bekerjasama dalam menentukan semua anggota di bawah kariahnya membayar fitrah. Sekiranya terdapat golongan yang enggan membayar fitrah tanpa sebab yang kukuh, maka amil harus mengadukan kepada pihak MUIPP. Orang-orang yang terlibat haruslah didenda dengan cara sewajarnya agar dapat memberi pengajaran.
- iv) Pihak MUIPP juga boleh memperluaskan pengutipan zakat dan tidak hanya terhad pada zakat perniagaan dan wang simpanan sahaja. Misalnya pengutipan zakat bagi hasil tanaman dan buah-buahan boleh dilakukan ke atas getah, kelapa sawit, rambutan, nenas dan lain-lain lagi dan bukan hanya tertumpu pada padi sahaja.

Zakat harta juga harus diambil perhatian seperti

---

<sup>1</sup>. Mohd. Nor bin Ngah, Potensi dan peranan zakat dalam masyarakat yang sedang membangun, Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

tanah, rumah, saham dan sebagainya yang memberi kadar pulangan yang tinggi kepada pemiliknya. Harta-harta beginilah yang digemari oleh masyarakat sekarang dan ia jugalah yang membezakan antara yang kaya dan miskin. Jenis harta beginilah juga yang boleh digunakan oleh seseorang untuk mengelak dari membayar zakat iaitu dengan cara menyalurkan lebihan pendapatan yang belum cukup haulnya kepada harta seperti ini. Oleh itu untuk membentuk sistem pungutan yang berkesan, cara mengelak dengan sewenang-wenangnya haruslah dicegah. Harta-harta yang telah disebutkan boleh dijadikan asas zakat kerana ia diperniagakan iaitu dalam bentuk sewa.

Zakat perniagaan pula boleh dikembangkan daripada hanya menumpukan kepada perniagaan runcit, perniagaan borong, import dan eksport di mana perniagaan ini lebih kepada yang berjenis jual-beli dan melibatkan barang dagangan yang berbentuk fizikal. Sebenarnya zakat perniagaan boleh diperluaskan kepada sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan. Sektor perkhidmatan merujuk kepada golongan-golongan profesional seperti doktor, peguam, arkitek dan sebagainya. Berasaskan kepada sistem zakat yang dijalankan oleh MUIPP, perniagaan seperti ini tidak disentuh sedangkan pendapatan bagi sektor ini adalah tinggi.

v) Tumpuan juga harus diberikan kepada usaha meningkatkan kecekapan dalam pentadbiran. \*Tiap-tiap kakitangan perlu dilatih dan didedahkan kepada kursus-kursus yang berkaitan agar mereka menjadi lebih arif dalam tugas-tugas yang perlu

dijalankan.

Pihak MUIPP juga perlu menambahkan kakitangan bagi bahagian zakat dan fitrah ini memandangkan ruang lingkup tugas kakitangan zakat di MUIPP begitu luas. Pegawai-pegawai zakat perlu dilantik bagi tiap-tiap daerah dan diberi elaun khas. Jawatankuasa peringkat daerah juga perlu diwujudkan terutama bagi menjalankan tugas bincian ke atas harta dan hak milik orang-orang Islam di tiap-tiap daerah di Pulau Pinang.

vi) Pihak kerajaan negeri pula haruslah memberikan kuasa yang sepenuhnya kepada pihak MUIPP bagi mengambil tindakan ke atas semua perkara yang berkaitan dengan zakat dan fitrah. Dengan adanya kuasa ini maka bolehlah dilantik pegawai penilaian yang diiktiraf untuk menjalankan penilaian bagi menentukan sama ada harta orang-orang Islam diwajibkan zakat atau tidak. Pegawai-pegawai ini diberi kuasa untuk menyemak segala harta dan wang simpanan serta gaji tiap-tiap orang Islam di Pulau Pinang bagi setiap tahun.

vii) Pengawasan yang berkesan juga harus dikenakan ke atas semua pihak yang terlibat dengan perlaksanaan zakat seperti pegawai-pegawai, amil-amil hingga kepada pemilik-pemilik harta. Ini bagi menjaga kepentingan masyarakat Islam dan hak-hak orang miskin kerana pengawasan yang sepenuhnya telah dijalankan sejak dari zaman Rasulallah (saw) hingga ke zaman-zaman berikutnya. Banyak nas-nas al-Quran yang melarang amil-amil dari mengambil zakat untuk diri mereka

dan menyuruh semua pihak yang diamanahkan sebagai pengumpul zakat supaya menyampaikannya kepada pihak-pihak yang tertentu.

5.2.2. Pembahagian hasil zakat dan fitrah.

i) Bahagian Fakir Miskin.

Pihak MUIPP sewajarnya memberikan bantuan kepada fakir miskin dalam bentuk yang lain daripada wang tunai. Ini memandangkan tidak berlaku sebarang perubahan kepada ekonomi golongan ini walaupun setiap tahun menerima wang zakat dan fitrah. Bantuan seperti membuka perniagaan dan perusahaan di kampung-kampung mungkin dapat memberikan kesan yang lebih ketara kerana ia membuka peluang pekerjaan kepada golongan fakir dan miskin ini yang bersetujuan dengan keupayaan tenaga mereka.

ii) Bahagian Gharimin dan Firrigab.

Bahagian untuk Gharimin ini tidak sepatahnya hanya dihadkan untuk mengkebumikan mayat dagang sahaja sebaliknya ia patut diperluaskan lagi. Jika diteliti, umat Islam amat digalakkan menceburkan diri dalam lapangan perniagaan.

Sesuai dengan tradisi hidup, penceburan dalam sesuatu bidang pasti ada yang berjaya dan yang gagal. Bagi yang bernasib malang, tentulah segala harta pertaruhan akan tergadai. Jadi dengan jaminan zakat tentulah mereka dapat

melepaskan diri dari hutang dan ini akan meyakinkan mereka untuk mencuba lagi sehingga berjaya.

Seperkara lagi bagi golongan yang merasa terdesak dalam penyaraan hidup, tempat pertama yang akan dikunjungi ialah pajak gadai. Oleh itu sebuah institusi kewangan seperti pajak gadai ala Islam perlu ditubuh dan dipraktikkan bagi melepaskan umat Islam dari belengu hutang. Walau bagaimanapun setakat ini MUIPP telah mengeluarkan modal bagi umat Islam yang ingin bermula.

Bagi golongan hamba, pada umumnya rupa belengu perhambaan diri yang hendak ditebus sudah tiada lagi. Walau bagaimanapun belengu perhambaan dalam ekonomi dan sosial amat banyak seperti orang-orang Islam yang terbelengu oleh penjajahan dan kejahilan. Ini bererti bahagian firriqah ini haruslah sekurang-kurangnya diperuntukkan kepada orang-orang miskin Islam yang di bawah penjajahan musuh-musuh Islam dan pemurtut-pemurtut dari anak-anak orang Islam yang miskin.

iii) Bahagian Muallaf.

Kebanyakan muallaf adalah terdiri dari golongan belia dan biasanya mereka sering mendapat tentangan dari keluarga menyebabkan mereka hidup tersisih. Jadi MUIPP haruslah memberikan pengetahuan agama yang cukup, tempat-tempat perlindungan dan latihan-latihan agar 'Saudara Baru' ini dapat menyesuaikan diri dengan pegangan hidup yang baru.

iv) Bahagian Fisabilillah dan Ibni Sabil.

Merujuk kepada perbelanjaan untuk bahagian Fisabilillah, jumlah yang dikeluarkan lebih besar dari yang sepatutnya. MUIPP seharusnya menstabilkan jumlah perbelanjaan untuk tiap-tiap asnaf. Misalnya pada tahun 1986, hasil zakat yang diperuntukkan untuk bahagian fisabilillah ialah \$111,716.15 sedangkan perbelanjaan oleh MUIPP untuk bahagian ini ialah \$176,377.00. Perbelanjaan untuk ibni sabil begitu kecil iaitu hanya 1.26% dari jumlah yang diperuntukkan untuk bahagian ini.

v) Bahagian Pentadbiran.

Seharusnya perbelanjaan untuk bahagian pentadbiran ditanggung oleh kerajaan negeri sama ada secara subsidi atau lain-lain. Ini kerana bahagian untuk amil bagi kutipan fitrah sudah tiada lagi kerana telah diambil alih sepenuhnya oleh amil-amil di kampung.

Walau bagaimanapun MUIPP telah mempunyai rancangan masa depannya yang mungkin akan terlaksana tidak lama lagi. Mengikut rancangannya, pembiayaan pentadbiran akan ditanggung oleh kerajaan negeri dan segala pentadbiran akan juga diambil alih oleh kerajaan negeri. Namun begitu yang menentukan dasar ialah ahli-ahli Majlis Ugama Islam di mana semua wang pendapatan digunakan untuk orang-orang Islam sahaja. Diharapkan rancangan ini akan menjadi

kenyataan secepat mungkin.

vi) Bahagian Pelaburan.

MUIPP perlu menjalankan perniagaan dan perusahaan secara besar-besaran seperti membuka ladang-ladang pertanian dan ternakan, kilang-kilang percetakan dan lain-lain. Diharapkan dengan cara ini peluang-peluang pekerjaan akan terbuka kepada umat Islam terutamanya golongan muda agar dapat mengatasi masalah pengangguran yang semakin menjadijadi sejak kebelakangan ini.

NADEEMAN	WAKAZ	KARIAR	BAZTULMAL	WAKAZ
DAP	FITRAH			
WANGAI				
Enggal	S. Mu. Pauz	C. H. M.	G. H. Peg.	G. H. Peg.
Atau	Zakat Pulau Pinang		Keranji	Keranji (2)
Peg.	C. H. Peg.	C. H. Peg.	D. H. Peg.	D. H. Peg.
(2)	Keranji	Keranji	Keranji	Pemungut
Turu		L. Telut	Bendan	Bendan
tan		S. Salik Pulau		
Peg.		J. S'wath		
3. Rendah		A. Kubatas		
agu		S. H. Hartajam		
Velayat		S. H. Tebal		
Pejabat		* Yang Dipertua Jabatan ialah Ex Officio Yang Dipertua Majlis Setiausaha Jabatan ialah Ex Officio Setiausaha Majlis		

BIBLIOGRAFI

a) BUKU

1. Abdul Aziz Umar dan Ishak Abas : Pengetahuan Islam Untuk Tingkatan 3, Sya. Dian Sdn. Bhd, Kelantan, 1979.
2. Prof. Madya A. Manap Said dan A. Ghani Othman : Menyusun Semula Sistem Zakat dan Pengurusan Baitulmal Di Malaysia, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, UM.
3. Ustaz Abdul Rauf Abdul Majid Badr : Zakat dan Zakat Fitrah, Lapuran Persidangan Islam Se Malaysia, 1969.
4. Dr. Abdullah Hj. Ibrahim dan Dr. Abd. Rashid Hj. Dail : Ke arah Penguatkuasaan Zakat Harta, Anjuran Majlis Kebangsaan Ugama Islam Malaysia, Jabatan ugama Islam Wilayah dan Majlis ugama Islam Selangor 1980.
5. Dr. Abdullah Siddik : Intidasar Islam, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1969.
6. Amaluddin Darus : Kembali Ke Masjid, Abad Entaperais, Kuala Lumpur, 1979.
7. Arnold T.W. : The Preaching of Islam, London, 1913.

8. Arshad Samit : Pentadbiran Zakat Johor, Kesan Ekonomi dan Sosial Pada Penduduk Kg. Kesang Tasik, Muar, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UM, 1986/87.
9. Fatimi, S.Q. : Islam Comes to Malaysia, Malaysia Sociological Research Institute, Ltd, Singapore, 1963.
10. Gullick, J.M. : Malaysia : Economic Expansion and National Unity, Ernest Benn Limited, London, 1981.
11. Dr. Hamka : Keadilan Sosial Dalam Islam, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1966.
12. Haneef, Suzanne : What Everyone Should Know About Islam and Muslims, Kazi Publication, 1979.
13. Ismail Muhd. Salleh dan Rogayah Ngah : Agihan Tanggung-jawab Zakat Ke atas Pengeluaran Padi Semenanjung Malaysia, 1978, Kertaskerja-kertaskerja Seminar Zakat, P.J. 1980.
14. Kassim Ahmad : Teori Sosial Modern Islam, Fajar Bakti Sdn. Bhd. Petaling Jaya, 1984.
15. Mackeen, Abdul Majid Mohamed : Contemporary Islamic Legal Organization in Malaya, Yale University, South East Asia Studies 1969.

16. Malek Redzuan Abd. Rahman : Zakat Fitrah dan Pengaruhnya Ke Atas Sosio-Ekonomi Orang Islam.  
Jabatan Antropologi dan Sosiologi,  
UM, 1986/87.
17. Mohd. Nor b. Ngah : Potensi dan Peranan Zakat Dalam Masyarakat Yang Sedang Membangun,  
Jabatan Pengajian Islam, UM.
18. Othman Hj. Ishak : Fatwa Dalam Perundangan Islam,  
Fajar Bakti Sdn. Bhd, Kuala Lumpur,  
1981.
19. Rashidah Ibrahim : Peranan Jab. Hal Ehwal Agama Islam Negeri Trengganu (JHEUT) dan Majlis Ugama Islam dan Adat Melayu Trengganu Dalam Pentadbiran Zakat Mal dan Fitrah, Jab. Antropologi dan Sosiologi, UM, 1986/87.
20. Dr. Sheikh Yusof Qardhawi : Problema Kemiskinan (Apa Konsep Islam), terjemahan oleh Mar Fanany B.A., Atlantik Printing and Paper Industry Pte, Ltd.
21. Shellabear, W.G. : Sejarah Melayu, Singapore, 1961.
22. Sidang Pengarang Pustaka Aman : Pengetahuan Islam Untuk Ting. 3, Sya. Dian Sdn. Bhd, Kelantan,  
1979.
23. Syed Anwer Ali : Islam The Religion, Syed Publication

Karachi, 1975.

24. Syed Muhamudunnasser : Islam, It's Concepts and History,  
Nusrat Ali Nasri for Khitab Bhavan,  
1981.
25. Syed Sheikh b. Ahmad Alhady : Ugama Islam dan Akal,  
Pustaka Dian, Kelantan.
26. Syeikh Abdullah Basmih : Zakat, Sedekah dan Khairat,  
Bahagian Agama Jab. Perdana Menteri,  
Wilayah Persekutuan, 1985.
27. Tan, Cecilia : Penang, Times Edition, 1986.
28. T.M. Hasbi Ash-Shiddeqy : Pedoman Zakat, Bulan Bintang  
Jakarta, 1967.
29. Taklimat Kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri  
Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong,  
Majlis Agama Islam dan Jab. Hal Ehwal  
Agama Ng. Pulau Pinang, 27 Jan. 1983.

b) MAJALAH.

1. H.M. Bilal (Solo) : Zakat Fitrah Sama Dengan Zakatulmal, Majalah Islam Kiblat, Yayasan P.H.I. Jakarta, 20 Jun. 1984.
2. Majlis Muzakkarah Al-Azhar : Zakat Fitrah, Panji Masyarakat, 1 Ogos 1980.
3. M. Suffian Hashim : The Relation Between Islam and The State in Malaya, Intisari MSRI, vol.1 No. 1, Singapore, 1962.
4. Syed Baharudin Syed Hashim : Zakat Diabaikan, Dewan Masyarakat, 1986.

c) ARTIKEL.

1. Kursus Pentadbiran Zakat dan Baitulmal, Pusat Islam, Kuala Lumpur, 21 Ogos 1985.

d) RISALAH.

1. Peraturan-peraturan Pungutan Zakat dan Fitrah Ng. Pulau Pinang, 1979, (Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam 1959 (No.3 Tahun 1959).
2. Zakat, Sudahkah Kita Tunaikan?, Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai, Siri Penerangan, Bil. 1/1405.